


# Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan (Exploring Humanitarian Law)

---



**Panduan Metodologi**

## Kandungan

<b>Bahan pengenalan</b> .....	<b>1</b>
Suara remaja: Kenapa mempelajari undang-undang kemanusiaan antarabangsa?	
Kerangka kursus	
Jadual kursus	
<b>Orientasi</b> .....	<b>15</b>
Mengapa mengajar EHL?	
Apakah EHL dan bukan EHL?	
Peranan anda sebagai seorang guru EHL	
Rasional program guru-pendidikan	
Objektif para guru	
Mengguna pakai program mengikut keperluan anda	
Laluan singkat	
Menilai pembelajaran	
Penyusunan <i>Panduan Metodologi</i> ini	
<b>Nota kepada guru</b> .....	<b>21</b>
1. Perbincangan	
2. Sumbangsaan	
3. “Tiada jawapan mudah”	
4. Penggunaan dilema	
5. Main peranan	
6. Penggunaan cerita, gambar dan video	
7. Penulisan reflektif	
8. Wawancara	
9. Kumpulan kecil	
10. Pengumpulan cerita dan berita	
<b>Bengkel guru</b> .....	<b>45</b>
Bengkel	
Sukatan pelajaran bengkel pendidikan guru	
1. Memperkenalkan <i>Meneroka undang-undang kemanusiaan</i> kepada pelajar	
2. Main peranan: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?	
3. Menangani dilema: Dilema penyaksi	

# Kandungan

4. Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia
5. Membina idea para pelajar: Asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa
6. Menonton video: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak
7. Menggunakan kajian kes: “Apa yang telah kami lakukan di My Lai”
8. Kerja dalam kumpulan kecil: Menyahut cabaran akibat peperangan
9. Menggunakan pengalaman peribadi: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan
10. Mengaplikasi pembelajaran: Projek belia

**Transkrip video guru . . . . . 69**

Mengetuai perbincangan: Penerokaan pengenalan

Menyusun jawapan para pelajar: Melihat tindakan kemanusiaan

Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia

Pandangan para pelajar: Apakah peraturan yang diperlukan dalam konflik bersenjata?

Menonton video: Persediaan dan perbincangan

Persembahan pelajar: “Jika anda boleh memberitahu dunia”

Menggunakan pengalaman peribadi untuk memahami konsep: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan

# Suara remaja: Kenapa mempelajari undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

## Bahan pengenalan

### Suara remaja: Kenapa mempelajari undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

#### Chile

“...menjadi sensitif terhadap peperangan.”

“...untuk mengetahui dengan lebih baik mengenai apa yang sedang berlaku di negara lain.”

“...kerana setiap manusia harus tahu hak asasi mereka.”

“...kerana ia melibatkan kita semua.”



#### Djibouti

“...kerana masa remaja seseorang membuka matanya, apabila seseorang itu bersikap terbuka terhadap tujuan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.”

“...untuk masa hadapan.”



#### Egypt

“...supaya generasi akan datang tahu mengenainya.”

“...kerana adalah kepentingan negara untuk mempelajarinya.”

“...kerana dengan mempunyai pengetahuan mengenainya membolehkan manusia mengendalikan diri mereka dengan belas kasihan dan penuh simpati.”

“...sekiranya peperangan meletus, undang-undang ini boleh dilaksanakan.”

“...untuk mengetahui hak asasi dan tanggungjawab kita.”



#### Israel

“...ada beberapa perkara di mana sebagai seorang individu, ia sangat penting untuk anda ketahui.”

“...anda akan mengetahui tentang adanya undang-undang yang melarang penyeksaan ke atas tahanan peperangan.”

“...ini boleh membantu kami para remaja semasa peperangan kecil dalam kehidupan kami.”

“...supaya sebahagian kepercayaan terus wujud di dunia ini.”



#### Malaysia

“...kerana kemudiannya kita akan menjadi dewasa untuk mendukung undang-undang tersebut.”

“...kerana kita ialah pemimpin masa hadapan dalam peperangan; tanpa mempelajari undang-undang semasa kita masih muda, kita tidak akan berpeluang untuk mempelajarinya pada masa peperangan.”

# Suara remaja: Kenapa mempelajari undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

## Norway

“...kerana kita ialah generasi yang berhadapan dengan masalah yang sama dengan generasi yang terdahulu.”



## Penguatkuasa Kebangsaan Palestin

“...kerana para remaja sedang membentuk keperibadian, pendapat, kemahiran dan perlakuan mereka.”

“...kerana ia mengobarkan/membangkitkan semangat terhadap keamanan dan mengurangkan semangat peperangan di kalangan manusia — tapi sekiranya para pengajar sendiri tidak mengguna pakai undang-undang tersebut, ia tidak patut diajar.”

“...kerana dalam usia kami sebegini, kami banyak bertanyakan soalan dan kami ingin mengetahui yang mana benar dan yang mana salah .”

“...remaja akan menjadi dewasa dan mentadbir negara; belajar semasa mereka masih muda ialah seperti mengukir di atas batu; ia akan kekal.”



## Senegal

“...kerana ia adalah penting untuk mengetahui yang askar tidak boleh melakukan apa-apa saja sesuka hati mereka.”

“...kerana kita akan menjadi dewasa di masa hadapan.”

“...kerana kemudiannya kita akan mengajarnya kepada anak kita.”



## Thailand

“...untuk melindungi diri kita.”

“...untuk mengetahui hak asasi orang awam semasa peperangan.”



## Amerika Syarikat

“...kerana jika kita berada dalam keadaan sebegini, kita perlu tahu apa yang harus kita lakukan.”

“...untuk mengetahui apa yang sedang berlaku supaya anda boleh bersuara menentanginya.”

Catatan: Ini ialah sebahagian daripada sebab yang diberi oleh remaja apabila ditanya mengapa mereka fikir remaja harus mempelajari undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Jawapan-jawapan diperolehi semasa perbincangan tumpuan kumpulan yang dikendalikan oleh “tapak-tapak yang berkaitan” semasa ujian perintis projek EHL.

## Kerangka kursus

### PENEROKAAN PENGENALAN:

Penerokaan Pengenalan: Imej dan persepsi

### MODUL 1: PERSPEKTIF KEMANUSIAAN

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?	[cerita tentang tindakan kemanusiaan]
Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan	[suara daripada peperangan]
Penerokaan 1C: Dilema penyaksi	[senario dilema]

### MODUL 2: HAD-HAD DALAM KONFLIK BERSENJATA

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan	[foto, kolaj foto, peraturan-peraturan asas]
Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa	[contoh peraturan peperangan]
Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak	[kolaj foto, video, peta]
Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasaa anggota	[video, peta]

### MODUL 3: PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan	[suara daripada peperangan]
Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan	[senario dilema]
Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?	
Kajian kes – My Lai	[video dan main peranan]

### MODUL 4: MENEGAKKAN KEADILAN

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan	[bahan bacaan]
Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa	[bahan bacaan]

### MODUL 5: MENYAHUT CABARAN AKIBAT PEPERANGAN

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan	[kolaj foto]
Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan	
Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan	[video]
Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan	[kolaj foto]
Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan	[senario dilema]

### PENEROKAAN PENUTUP:

Penerokaan penutup : Ke manakah kita akan pergi dari sini?	[video]
--	---------

### ISTILAH



## JADUAL KURSUS

### BAGI SEMUA MODUL

KONSEP		KEMAHIRAN		
<p>Maruah manusia</p> <p>Halangan kepada tingkah laku kemanusiaan</p> <p>Dilema</p> <p>Kesan</p> <p>Kepelbagaian perspektif</p>	<p>Perbincangan</p> <p>Mendengar</p> <p>Menyatakan ketidaksetujuan secara bersopan</p> <p>Menyokong pendapat dengan alasan</p> <p>Sumbangsihan</p> <p>Alasan berlandaskan undang-undang</p>	<p>Memilih Perspektif</p> <p>Main peranan</p> <p>Menganalisa cerita</p> <p>Bercerita</p> <p>Menganalisa dilema</p> <p>Mengenal pasti masalah</p>	<p>Mengenal pasti kesan</p> <p>Menjejak kesan</p> <p>Menganalisa masalah</p> <p>Menilai keperluan</p> <p>Mengenal pasti penyelesaian</p> <p>Menyimpan rekod</p>	<p>Menganggarkan skop</p> <p>Menganggarkan usaha</p> <p>Bekerja dalam kumpulan</p> <p>Merancang</p> <p>Menilai projek</p>

### MODUL-MODUL

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
PENEROKAAN PENGENALAN	<p>Bagi anda apakah imej konflik bersenjata?</p> <p>Apakah pandangan anda tentang usaha-usaha untuk menghaikan penderitaan yang diakibatkan oleh konflik bersenjata?</p> <p>Apakah itu maruah manusia?</p>	<p>Had-had kepada konflik bersenjata</p> <p>Maruah manusia</p> <p>Dilema</p>	<p>Imej dan persepsi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari persoalan utama yang menjadi asas kepada undang-undang kemanusiaan.</li> <li>◆ Untuk menyedari bahawa sesetengah persoalan yang timbul dalam meneroka undang-undang kemanusiaan tidak mempunyai jawapan yang mudah.</li> <li>◆ Untuk membina satu definisi awal tentang maruah manusia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Konsep maruah manusia adalah idea asas kepada Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa. Konsep ini akan berulang semula di sepanjang Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan (EHL).</li> <li>◆ Sesetengah persoalan yang ditimbulkan semasa Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan tidak mempunyai satu jawapan yang tepat atau apa-apa jawapan yang mudah. Salah satu matlamat Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan adalah untuk mengenal pasti persoalan sedemikian dan menerokanya.</li> </ul>



# Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 1 Perspektif kemanusiaan	Apakah itu penyaksi? Apakah dilema yang dihadapi oleh penyaksi? Apakah kesan tindakan penyaksi? Apakah ciri-ciri tindakan kemanusiaan?	Penyaksi Tindakan kemanusiaan Tekanan sosial	1A Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami kesan tindakan penyaksi terhadap tindakan orang lain.</li> <li>◆ Untuk menyedari akan contoh-contoh tindakan penyaksi dalam situasi keganasan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Penyaksi adalah manusia biasa yang semasa waktu keganasan, boleh bertindak melindungi nyawa dan maruah orang lain, orang yang mungkin mereka tidak kenali.</li> <li>◆ Penyaksi selalunya bertindak walaupun berkemungkinan menghadapi risiko atau kehilangan nyawa.</li> <li>◆ Orang awam di merata-rata tempat telah bangkit menentang tindakan kezaliman untuk melindungi manusia yang lemah.</li> </ul>
			1B Memahami tindakan kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami konsep tindakan kemanusiaan.</li> <li>◆ Untuk memahami pengaruh tekanan sosial dalam situasi apabila nyawa atau maruah manusia menghadapi risiko.</li> <li>◆ Untuk mengenal pasti tindakan kemanusiaan dalam berita dan kehidupan seharian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Tindakan-tindakan kemanusiaan ialah tindakan yang melindungi nyawa seseorang atau maruahnya daripada ancaman, terutamanya untuk seseorang yang pada kebiasaannya tidak menerima perlindungan. Tindakan-tindakan sedemikian mungkin akan melibatkan risiko peribadi. (Ini ialah salah satu definisi yang telah diterima pakai bagi maksud Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan).</li> <li>◆ Sesuatu tindakan kemanusiaan, yang bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah, mungkin sukar dalam sesetengah konteks sosial, terutamanya apabila tindakan tersebut melibatkan membantu seseorang yang dianggap sebagai sebahagian daripada kumpulan "musuh".</li> </ul>
			1C Dilema penyaksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk mengenal pasti kemasyarakatan yang mungkin dihadapi oleh penyaksi apabila menyaksi ancaman terhadap maruah manusia.</li> <li>◆ Untuk mempelajari bagaimana menganalisa sesuatu dilema.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Dalam kebanyakan tindakan kemanusiaan, penyaksi akan menghadapi dilema untuk memilih sama ada untuk menghulurkan bantuan melindungi seseorang atau tidak kerana ia berhadapan dengan risiko yang tinggi.</li> <li>◆ Apa sahaja pilihan yang dibuat akan mengakibatkan kesulitan dan membawa akibat jangka panjang kepada semua pihak yang terlibat.</li> </ul>

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 2 Had-had dalam Konflik bersenjata	Apakah had-had yang diperlukan dan kenapa? Asal-usul had-had ini? Bagaimanakah undang-undang untuk menghadkan peperangan berkembang?	Had kepada peperangan Orang awam, bukan kombatan ( <i>hors de combat</i> ) Hak asasi manusia Perlindungan Keperluan kanak-kanak Senjata yang sembarangan Kesan kocakan ( <i>ripple effect</i> )	2A Menghadkan kemusnahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami kenapa peraturan-peraturan diperlukan bagi konflik bersenjata.</li> <li>◆ Untuk memahami persamaan undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.</li> <li>◆ Untuk mengetahui beberapa peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Undang-undang kemanusiaan bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah semasa konflik bersenjata. Ini dilakukan dengan menghadkan cara dan kaedah peperangan bagi mengurangkan penderitaan dan untuk melindungi orang yang bukan kombatan dan terutamanya mereka yang tidak lagi terlibat di dalam peperangan.</li> <li>◆ Kedua-dua undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkongsi tujuan asas yang sama iaitu untuk melindungi nyawa dan maruah manusia.</li> <li>◆ Undang-undang Kemanusiaan bertindak secara eksklusif semasa konflik bersenjata kerana ia dicipta khusus untuk situasi melampaui yang sebegini.</li> </ul>
			2B Peraturan mengikut peredaran masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari bahawa manusia telah mencipta peraturan untuk mengawal konflik bersenjata.</li> <li>◆ Untuk menyedari contoh larangan yang telah wujud dalam peraturan awal.</li> <li>◆ Untuk menunjukkan hubungan di antara sesuatu kejadian dan perkembangan norma-norma kemanusiaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Usaha-usaha manusia untuk menghadkan kekejaman peperangan adalah sejagat.</li> <li>◆ Sejarah membuktikan bahawa pelbagai peraturan telah diguna pakai oleh masyarakat yang berlainan untuk mengurangkan penderitaan dan kemusnahan semasa peperangan.</li> </ul>
			2C Fokus terhadap "askar" kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari skop amalan penggunaan kanak-kanak sebagai kombatan dan akibat penggunaannya.</li> <li>◆ Untuk memahami keperluan mengadakan umur minima bagi pengambilan sebagai kombatan.</li> <li>◆ Untuk mengetahui bahawa pengambilan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam angkatan bersenjata ialah suatu pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan bahawa usaha-usaha sedang dilakukan kini untuk meningkatkan umur minima kepada 18 tahun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Kanak-kanak perlu dilindungi semasa keadaan konflik bersenjata. Salah satu bentuk perlindungan ialah dengan menghadkan umur minima bagi perekrutan di dalam kumpulan ketenteraan.</li> <li>◆ IHL menetapkan umur yang wajib dan diperkatakan secara sukarela di dalam angkatan tentera pada 15 tahun. Mengikut Perkara 8 Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa, perekrutan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun adalah satu jenayah peperangan.</li> <li>◆ Usaha-usaha antarabangsa sedang dijalankan untuk meningkatkan umur minima kepada 18 tahun.</li> </ul>

## Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 2 Had-had dalam konflik bersenjata ( <i>sambungannya</i> )			2D Fokus terhadap periuk api peminasa anggota	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami kenapa sesetengah senjata yang tidak boleh membezakan mangsa dan yang boleh menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya dilarang penggunaannya.</li> <li>◆ Untuk membolehkan menjejaki rantaian kesan akibat penggunaan periuk api.</li> <li>◆ Untuk memahami bagaimana pendapat orang awam dan tekanan sosial orang awam boleh menyumbang kepada perkembangan undang-undang kemanusiaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Senjata seperti periuk api serta senjata biologiikal dan kimia adalah senjata yang dilarang kerana senjata ini tidak dapat membezakan mangsa, iaitu antara kombatan dan orang awam. Penggunaan senjata ini juga menyebabkan penderitaan yang keterlaluan.</li> <li>◆ Penggunaan periuk api bukan sahaja mengakibatkan kecederaan jasmani dan emosi, malah ia membawa kesan sosial dan ekonomi kepada mangsa, keluarga, masyarakat dan negara.</li> <li>◆ Pengharaman pengeluaran dan penggunaan periuk api peminasa anggota berdasarkan Triteri Ottawa 1997 ialah contoh bagaimana undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkembang mengikut peredaran zaman hasil usaha-usaha masyarakat awam.</li> </ul>
MODUL 3 Pelaksanaan undang-undang	Undang-undang yang manakah yang sering dicabul dan kenapa? Apakah dilema yang dihadapi oleh kombatan-kombatan? Siapakah yang bertanggung-jawab untuk memastikan bahawa undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati?	Pencabulan Perbezaan di antara orang awam/kombatan Rantaian kesan dan akibat	3A Mengenal pasti pencabulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk mengenal pasti beberapa pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.</li> <li>◆ Untuk meneliti contoh-contoh tentang bagaimana sesuatu pencabulan membawa kepada pencabulan yang seterusnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Peraturan-peraturan IHL direka secara khusus bagi keadaan-keadaan semasa konflik bersenjata.</li> <li>◆ Pencabulan selalunya membawa kepada satu rantaian kesan akibat bagi pencabulan seterusnya.</li> <li>◆ Orang memberikan pelbagai alasan bagi pencabulan yang kadangkala berlaku. Alasan-alasan itu termasuklah membalas dendam, peperangan di kawasan-kawasan perumahan, mengandaikan bahawa orang awam sedang membantu pihak musuh, arahan tidak sah (<i>illegal orders</i>) daripada pihak atasan, dsb.</li> </ul>

## Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 3 Pelaksanaan undang-undang ( <i>sambungan</i> )			3B Dari perspektif kombatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk mengenal pasti dilema yang kadangkala timbul dalam mematuhi IHL dalam situasi peperangan.</li> <li>◆ Untuk mengenal pasti masalah dalam menegakkan IHL apabila perbezaan di antara kombatan dan orang awam tidak jelas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Mematuhi peraturan-peraturan IHL semasa konflik bersenjata seringkali melibatkan dilema.</li> <li>◆ Banyak dilema timbul akibat kesukaran untuk membezakan antara kombatan dan orang awam.</li> <li>◆ Kadangkala orang sengaja mengaburkan perbezaan itu, dan kadangkala ia dikaburkan apabila peperangan itu berlaku di kawasan penempatan.</li> <li>◆ Sekiranya tidak pasti sama ada seseorang itu orang awam atau anggota tentera, orang itu hendaklah dianggap sebagai orang awam.</li> </ul>
			3C Siapakah yang bertanggung-jawab?	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami siapakah di antara para kombatan yang bertanggungjawab untuk memastikan peraturan-peraturan dipatuhi.</li> <li>◆ Untuk mengenal pasti bagaimana tanggungjawab itu dilaksanakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Pelbagai pihak bertanggungjawab untuk memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati. Walaupun ia hanya mengambil seorang sahaja untuk mencabuli IHL, namun ia memerlukan gandingan usaha pihak kerajaan, tentera dan kombatan untuk memastikan peraturan IHL dihormati.</li> <li>◆ Adalah penting untuk sesebuah negara memastikan agar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipatuhi.</li> </ul>
			3D Kajian kes — "My Lai": Apa yang salah? Apa yang betul?	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari pelbagai cara tindak balas manusia apabila berhadapan dengan pencabulan dahsyat undang-undang kemanusiaan.</li> <li>◆ Untuk memahami beberapa isu dan dilema yang terlibat dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Kombatan tidak perlu mematuhi arahan yang tidak sah (<i>illegal orders</i>).</li> <li>◆ Realiti pertempuran moden boleh menggugat pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.</li> <li>◆ Sesebuah negara mungkin menghadapi masalah untuk membawa anggota tentera mereka ke muka pengadilan sekiranya berlaku pencabulan undang-undang kemanusiaan.</li> </ul>

## Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 4 Menegakkan keadilan	<p>Kenapakah keadilan diperlukan?</p> <p>Bagaimanakah keadilan boleh dicapai?</p> <p>Siapa yang sepatutnya mengadili tertuduh?</p>	<p>Pelaksanaan Penguatkuasaan</p> <p>Perbezaan di antara orang awam/kombatan</p> <p>Arahan yang tidak sah</p> <p>Tekanan sosial</p> <p>Tanggungjawab individu</p> <p>Tanggungjawab kepimpinan</p> <p>Jenayah peperangan</p> <p>Kelayakan untuk mengadili</p>	4A Rasional bagi keadilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami bagaimana pengurusan manusia yang mencabul undang-undang kemanusiaan antarabangsa dapat membawa kesan terhadap kesejahteraan masyarakat selepas konflik bersenjata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Undang-undang kemanusiaan memerlukan orang yang melakukan atau mengarahkan pencabulan yang serius dibawa ke muka pengadilan.</li> <li>◆ Setiap negara yang menandatangani Konvensyen Geneva bertanggungjawab untuk menyebarkan, menghormati dan menguatkuasakan IHL.</li> </ul>
			4B Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami perkembangan usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk membawa penjenayah peperangan ke muka pengadilan.</li> <li>◆ Untuk menyedari beberapa isu yang terlibat di dalam mengadili jenayah peperangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah terbentuk hasil daripada perkembangan pelbagai masalah yang timbul dalam mengenal pasti kuasa dan cara menghukum jenayah peperangan.</li> <li>◆ Apabila individu melakukan pencabulan sama ada mengikut arahan atau tidak, dia tetap tidak terlepas daripada kesalahan tersebut.</li> </ul>
MODUL 5 Menyahut cabaran akibat peperangan	<p>Apakah akibat peperangan?</p> <p>Apakah usaha yang dikehendaki untuk memberi bantuan kemanusiaan?</p> <p>Apakah dilema yang terlibat dalam tindakan kemanusiaan?</p>	<p>Keperluan asas</p> <p>Keperluan bukan berbentuk kebendaan</p> <p>Pelarian dan orang yang kehilangan tempat tinggal</p> <p>Prinsip berkecuali</p> <p>Kesaksamaan</p>	5A Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk memahami bagaimana peperangan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia.</li> <li>◆ Untuk menyedari tentang skop tindakan kemanusiaan yang diperlukan untuk mengurangkan dan menghalang penderitaan yang disebabkan oleh konflik bersenjata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Konflik bersenjata mengakibatkan kehilangan yang amat besar dari segi sumber-sumber dan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia.</li> <li>◆ Apabila teretusnya konflik bersenjata, kehidupan dan maruah manusia mudah terjejas dan perlindungan khusus diperlukan.</li> <li>◆ Tanggungjawab untuk memperbaiki sokongan terhadap kehidupan memerlukan tindakan bersama oleh pelbagai agensi kemanusiaan.</li> </ul>

## Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 5 Menyahut cabaran akibat peperangan ( <i>sambungan</i> )			5B Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari skala usaha yang diperlukan untuk membantu memenuhi keperluan manusia akibat kehilangan tempat tinggal, termasuk keselamatan diri.</li> <li>◆ Untuk menyedari beberapa aspek bantuan dan perlindungan yang diperlukan oleh manusia yang kehilangan rumah akibat konflik bersenjata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Bantuan kepada keperluan-keperluan individu yang terpaksa berpindah disebabkan konflik bersenjata memerlukan perancangan dan usaha yang terperinci.</li> <li>◆ Di samping keperluan-keperluan biologiikal yang mendasak (air, makanan, tempat perlindungan, penjagaan perubatan, dsb.), keperluan-keperluan sosial dan psikologiikal juga perlu diberikan perhatian. Ini termasuklah membolehkan mereka berdikari secepat yang mungkin.</li> </ul>
			5C Fokus terhadap melindungi tahanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari beberapa cara bagaimana undang-undang kemanusiaan boleh melindungi nyawa dan maruah tahanan.</li> <li>◆ Untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melindungi tahanan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Nyawa dan maruah manusia orang yang diambil sebagai tahanan akibat konflik bersenjata akan menghadapi risiko.</li> <li>◆ Undang-undang kemanusiaan antarabangsa memberi perlindungan kepada tahanan dan lawatan ke penjara oleh petugas pertubuhan kemanusiaan memastikan agar tahanan diberi perlindungan semasa dalam tahanan.</li> <li>◆ Petugas-petugas pertubuhan kemanusiaan boleh menghadapi dilema semasa menjalankan tugas mereka.</li> </ul>
			5D Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari keperluan ahli keluarga yang terpisah semasa peperangan.</li> <li>◆ Untuk memahami skala usaha yang dikehendaki untuk mengembalikan dan mengekalkan hubungan antara ahli keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Konflik bersenjata mengakibatkan sebilangan besar orang ramai yang terpisah daripada keluarga mereka tanpa sebarang saluran komunikasi.</li> <li>◆ Berdasarkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, langkah-langkah diambil untuk memulihkan hubungan antara ahli keluarga yang terpisah, termasuk langkah-langkah untuk menyatukan keluarga.</li> <li>◆ Pelbagai langkah yang perlu diambil untuk mengesan dan menyatukan kembali ahli-ahli sesuatu keluarga.</li> </ul>

## Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 5 Menyebut cabaran akibat peperangan ( <i>sambungan</i> )			5E Etika tindakan kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk menyedari tentang beberapa prinsip, seperti berkecuali dan kesaksamaan, yang menjadi asas kepada tindakan kemanusiaan.</li> <li>◆ Untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melaksanakan tugas mereka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Keperluan untuk mewujudkan satu kod etika untuk perubahan kemanusiaan semasa menjalankan aktiviti bantuan kemanusiaan.</li> <li>◆ Petugas-petugas perubahan kemanusiaan haruslah berkecuali dan saksama dalam memberi perlindungan dan bantuan untuk mendapatkan serta mengekalkan keyakinan daripada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu konflik.</li> <li>◆ Petugas-petugas perubahan kemanusiaan sering mengalami dilema etika dalam menjalankan tugas mereka. Walaupun tiada satu jawapan atau keputusan terbaik yang boleh dicapai dalam sesuatu situasi, adalah penting untuk memahami bahawa dengan tidak melakukan apa-apa pun juga merupakan satu keputusan yang akan membawa kesan yang tersendiri.</li> </ul>
PENEROKAAN PENUTUP	<p>Bagaimanakah anda boleh mengamalkan rasa hormat terhadap maruah manusia?</p> <p>Apakah yang boleh anda lakukan untuk membawa perubahan?</p> <p>Bagaimanakah anda dapat membangunkan kesedaran pada orang lain?</p>	<p>Pengerahan golongan muda</p> <p>Kumpulan sasaran</p> <p>Maitlamat projek</p> <p>Kekuatan dan sumber masyarakat</p> <p>Maruah manusia</p>	<p>Ke manakah kita akan pergi dari sini?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Untuk mengapikasi sesuatu yang telah dipelajari untuk merancang suatu projek yang memartabatkan maruah manusia.</li> <li>◆ Untuk menjalankan suatu projek yang memartabatkan maruah manusia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Terdapat pelbagai cara bagaimana seseorang itu boleh membantu memartabatkan maruah manusia. Antara cara yang terbaik ialah dengan melibatkan diri dalam sesuatu projek yang bersesuaian dengan kemahiran dan minat seseorang.</li> <li>◆ Apabila menjalankan tugas bagi pihak orang lain, adalah penting untuk mengambil kira perspektif mereka.</li> <li>◆ Penilaian perlu dijalankan untuk meninjau pelaksanaan sesuatu projek untuk membolehkan rancangan untuk masa hadapan dapat dinilai semula secara berkala.</li> </ul>

## Orientasi

### Kenapa mengajar EHL?

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) terbentuk daripada beberapa siri penerokaan yang bertujuan untuk membantu pemahaman tentang isu-isu kemanusiaan yang berkaitan dengan situasi konflik. Maka ia turut menyumbang kepada pendidikan dalam kewarganegaraan global, hak pendidikan dan perkembangan dalam kemahiran kehidupan. Ia juga boleh menyumbang kepada pembelajaran bagi bidang subjek akademik yang tertentu seperti undang-undang, sejarah, pembelajaran sosial dan falsafah di peringkat menengah. Negara-negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Geneva mempunyai tanggungjawab untuk menyebarkan pengetahuan mengenai undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) seberapa luas yang mungkin, termasuklah kepada masyarakat sivil dan golongan muda. IHL boleh menyumbang kepada teras pendidikan asas yang biasa di peringkat “antarabangsa”. Pendidikan IHL mempunyai sumbangan yang unik untuk menjadikan pendidikan rakyat di peringkat tempatan, kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

### Apakah EHL dan bukan EHL?

EHL memberi tumpuan kepada IHL sebagai asas pembelajaran selanjutnya. Mematuhi IHL boleh membantu menghadkan peningkatan keganasan dan kemusnahan dan penderitaan yang diakibatkan oleh konflik bersenjata. Ia juga boleh mempercepatkan pengembalian keamanan dalam penyelesaian konflik bagi mengelakkan penderitaan yang tidak sepatutnya berlaku dan maruah manusia dihormati. EHL ialah mengenai perlindungan nyawa dan maruah manusia semasa peperangan dan, segala pengalaman kehidupan kita. Seperti yang dinyatakan oleh seorang pelajar perempuan Maghribi selepas menyertai program perintis EHL: “saya telah belajar untuk melihat sifat kemanusiaan dalam semua orang, termasuk musuh saya.”

EHL menggalakkan melihat sesuatu isu dari perspektif kemanusiaan. Perbincangan politik dan ideologi mengenai sebab konflik tertentu bukanlah sebahagian daripada EHL.

### Peranan anda sebagai guru EHL

Guru kebiasaannya mengajar subjek yang telah mereka pelajari semasa latihan keguruan. Sebagai seorang guru EHL, anda akan mengajar subjek yang bukan kepakaran anda. Bukan sahaja subjek itu baru, tapi kaedah pengajaran yang aktif juga mungkin adalah sesuatu yang baru kepada ramai guru. Seorang guru Maghribi menyatakan seperti berikut: “Kursus ini tidak menggunakan kaedah pengajaran yang konvensional. Anda mesti mempunyai sikap bahawa ‘kita sedang belajar bersama-sama’.”

Memandangkan anda akan memainkan peranan sebagai guru, ketua perbincangan dan pelajar apabila anda mengambil bahagian dalam EHL, anda boleh bersedia dengan bertanya kepada diri anda sendiri beberapa soalan:

- Apakah matlamat saya? Mulakan dengan mengenal pasti apa yang anda harapkan bagi diri anda sendiri dan para pelajar anda.
- Apakah kebimbangan saya? Namakan beberapa isu yang berkaitan dengan pengajaran kursus ini yang boleh menyebabkan kebimbangan, dan kenal pasti beberapa jawapan yang bersesuaian.



## Kenapa mengajar EHL?

- Apakah yang akan saya lakukan jika para pelajar membangkitkan soalan yang saya tidak dapat jawab? Disebabkan oleh sifat kursus ini, tidak selalunya ada jawapan yang mudah atau tepat bagi setiap soalan. Beberapa cara untuk memberikan jawapan terdapat dalam “Nota kepada guru 3: Mengenai ‘Tiada jawapan mudah’.”

Salah satu tujuan bahan ini ialah untuk membantu para guru dan pelajar menjadi pelajar bersama-sama menerokai EHL. Apabila jawapan tidak sedia ada, peranan anda ialah untuk membantu para pelajar mencari maklumat bagi menjawab soalan mereka. Soalan sedemikian juga akan membolehkan anda dan para pelajar anda membawa pengalaman masing-masing kepada pembelajaran EHL. Anda harus ingat bahawa soalan yang sukar bagi anda serta pelajar anda juga merupakan soalan yang telah diujahkan di kalangan para pemimpin politik dan pakar undang-undang di seluruh dunia.

### Rasional program guru-pendidikan

- Suatu program guru-pendidikan yang efektif mencantumkan konsep utama dan kajian EHL dengan teknik mengajar yang khusus.
- Seperti kebanyakan pelajar, para guru juga belajar dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mereka teroka semasa latihan. Aktiviti inilah yang akan mereka perkenalkan dalam kelas kepada pelajar.
- Seperti pencipta yang mahir, para guru boleh mempelbagaikan aktiviti apabila mereka telah mahir dengan tema utama.
- Memandangkan kandungan dan kaedah EHL mungkin sesuatu yang baru kepada guru, guru perlukan masa untuk belajar, berlatih dan membuat refleksi terhadap program tersebut.
- Guru juga berpeluang belajar dengan melihat bagaimana guru lain mengajar di dalam kelas melalui tontonan video dan sesi pengajaran makro.

### Objektif para guru

- untuk mendapat pemahaman konsep utama dan aktiviti kurikulum.
- untuk memperkembangkan kepada pengajaran mereka untuk memasukkan pelbagai strategi, seperti perbincangan, main peranan, kerja kumpulan kecil dan penggunaan video dan dilema.
- untuk mempertingkatkan kompetensi mereka dalam kurikulum dan menambahkan kemahiran mengajar mereka.

### Mengguna pakai program mengikut keperluan anda

EHL direka bagi mengajar golongan remaja yang berusia di antara 13 hingga 18 tahun. Ia juga boleh diubah suai untuk kegunaan di sekolah dan juga dalam kumpulan secara tidak rasmi, dengan apa-apa tahap teknologi yang ada, dalam apa-apa bahasa dan dalam mana-mana negara tanpa mengira sejauh mana pengalaman mereka dalam konflik bersenjata. Oleh kerana EHL bertujuan untuk digunakan di seluruh dunia, ia bergantung kepada para guru dan ketua perbincangan yang sudah biasa dengan konsep dan tekniknya untuk menyesuaikan dengan keadaan tempatan.

Sebelum mengajar kursus ini, baca bahan ini untuk membiasakan diri dengan program. Guru harus mengambil kira tahap pelajar dan bagaimana EHL dapat digunapakai mengikut kefahaman pelajar. Salah satu daripada tugas anda ialah memilih bahan dan aktiviti yang anda hendak gunakan; yang satu lagi ialah mengenal pasti sumber tempatan yang boleh digunakan. Penerokaan-penerokaan ini mempunyai kesinambungan dan aktiviti-aktiviti dalam penerokaan-penerokaan mempunyai kesinambungan yang tersendiri. Melalui pemilihan aktiviti-aktiviti, para guru boleh mencipta turutan mereka sendiri. Guru yang pertama kali mengajar mungkin lebih suka mengikut program standard tanpa memperkenalkan apa-apa perubahan.

## Kenapa mengajar EHL?

Sebelum mengajar kursus ini:

- ▲ Hubungi organisasi kemanusiaan antarabangsa dalam negara anda, daerah dan masyarakat setempat bagi bahan dan mendapatkan pence-ramah.
- ▲ Kenal pasti sumber-sumber tempatan dan maklumat mengenai beberapa isu dalam kursus ini (contohnya, askar kanak-kanak dan periuk api pem-binasa anggota).
- ▲ Tentukan keadaan di negara anda berkenaan dengan topik-topik yang dinyatakan dalam program ini.

Dengan bermula dari contoh-contoh tempatan, daerah-daerah dan peringkat negara mengenai perspektif kemanusiaan dan IHL, para pelajar boleh beranjak dari konsep yang biasa kepada konsep yang lebih global. Satu siri cerita, gambar dan dilema telah dimasukkan dalam EHL. Pilih mana-mana yang ber-kenaan bagi para pelajar anda. Selain itu pelajar boleh diminta menyumbangkan cerita-cerita dan kata-kata yang boleh menggambarkan konteks tempatan.

Tahap aktiviti boleh diubah suai mengikut umur dan kemahiran akademik:

- ▲ Apabila menggunakan cerita-cerita, gambar-gambar dan video-video dengan pelajar muda, tanya soalan-soalan yang bertujuan untuk penjelasan dan pemahaman — contohnya apa yang berlaku dalam gambar itu, apa yang berlaku dalam cerita itu, apakah yang dimaksudkan dengan perkataan-perkataan atau frasa-frasa tertentu — sebelum anda pergi ke aspek meng-analisa sesuatu aktiviti.
- ▲ Bagi kumpulan pelajar yang mempunyai keupayaan membaca yang terhad, bacakan cerita itu dengan kuat. Berhenti sejenak pada perkara-perkara dalam cerita itu. Semak semula dengan bertanyakan soalan-soalan menge-nai kefahaman.
- ▲ Bagi pelajar lanjutan, galakkan perbincangan dan perbahasan dengan bertanyakan soalan-soalan yang bersifat provokatif dan gunakan dilema-dilema dan isu-isu yang perlu diberi pendekatan melalui pelbagai perspektif.

EHL boleh diguna pakai dalam bidang subjek yang lain. Aktiviti dalam EHL boleh dihubungkan, contohnya, dengan sejarah, matematik, penulisan dan kesusasteraan. Cadangan bagi hubungan kepada pelbagai bidang subjek juga disediakan di dalam “aktiviti lanjutan” yang terdapat dalam beberapa kajian.

Beberapa penerokaan disertakan dengan video dan/atau bahan-bahan yang perlu dibuat salinan fotostat. Jika anda tidak ada kemudahan untuk meng-gunakan peralatan bagi membuatnya, anda dapat mencapai objektif yang sama dengan menggunakan gambar-gambar, kolaj-kolaj foto dan poster, dan dengan membacakan kepada pelajar transkrip-transkrip dan cerita-cerita.

### Laluan singkat

Meneroka undang-undang kemanusiaan ialah satu set sumber yang boleh diguna pakai dengan sendirinya atau boleh diintegrasikan ke dalam program pembelajaran sedia ada. Sumber pembelajaran ini boleh digunakan dalam persekitaran kelas sebagai sebahagian daripada bidang-bidang subjek, dan juga dalam persekitaran dalam bidang ko-kurikulum dan juga di tempat-tempat di luar sekolah.

Set lengkap keseluruhan bahan EHL terdiri daripada 30 jam Pengajaran dan Pembelajaran yang boleh ditambah dengan menggunakan bahan tambahan dan aktiviti-aktiviti atau sesi perbincangan yang lebih panjang. Struktur kese-luruhan EHL, walau bagaimanapun, adalah fleksibel, dan guru boleh memilih

## Kenapa mengajar EHL?

aktiviti-aktiviti yang dapat memenuhi objektif pembelajaran sebaik-baiknya dengan mengambil kira kekurangan masa dalam bilik darjah.

Laluan singkat bagi penerokaan-penerokaan yang dikehendaki untuk memastikan suatu pemahaman yang meluas, tetapi komprehensif bagi isu-isu asas yang terlibat dalam melindungi nyawa dan maruah manusia dalam keadaan-keadaan keganasan dan konflik termasuklah perkara-perkara berikut:

Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan

Penerokaan 4A: Rasional untuk keadilan

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Laluan singkat ini boleh dilanjutkan bergantung kepada masa yang ada dan juga objektif pembelajaran program pendidikan di mana *Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan* diintegrasikan.

### Menilai pembelajaran

Sebagai tambahan kepada penilaian bertulis, EHL memberi para guru peluang harian untuk mengetahui apa yang dipelajari oleh para pelajar dan apakah salah tanggapan yang mungkin ada. Kaedah pembelajaran yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, kerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan, menyediakan peluang sedemikian.

Teknik penilaian khusus dan soalan-soalan ada dicadangkan di akhir

- ▲ setiap modul EHL
- ▲ setiap bengkel guru
- ▲ setiap "Nota kepada guru"

## Kenapa mengajar EHL?

Apabila anda mengajar, tanya diri anda:

- Adakah saya nampak peningkatan dari semasa ke semasa?
- Adakah para pelajar menggunakan konsep kursus (seperti “rantai kesan akibat”) dalam kejadian di dalam berita dan dalam kehidupan mereka?
- Adakah para pelajar secara spontan menggunakan artikel dalam surat khabar, cerita dari radio atau pengalaman rakan dan keluarga mereka?
- Adakah mereka dapat lihat dengan lebih mendalam apabila meneliti gambar-gambar yang telah ditunjuk kepada mereka pada kali kedua dan kali ketiga?
- Adakah mereka lebih sedar mengenai pelbagai pandangan yang terlibat, terutamanya pandangan mangsa konflik bersenjata?
- Adakah mereka boleh meletakkan diri mereka dalam situasi orang lain dan dengan spontan menerima pakai pandangan orang itu?
- Adakah mereka mulai faham keperluan bantuan kemanusiaan bagi mereka yang mudah dianiaya?

### Penyusunan *Panduan Metodologi* ini

*Panduan Metodologi* merupakan rujukan bagi kaedah pengajaran dan perancangan bagi bengkel latihan. Panduan ini termasuklah:

- ▲ Suatu orientasi kepada pengajaran EHL
- ▲ “Nota kepada guru” mengenai 10 strategi pengajaran yang berlainan  
Tiap-tiap “Nota kepada guru” menyediakan teknik pengajaran yang tertentu dan memberikan cadangan mengenai: **objektif, memulakan pembelajaran, mengetuai kumpulan, menangani kesukaran dan menilai pembelajaran.**
- ▲ Agenda bagi 10 bengkel persediaan guru



## Nota kepada guru

### 1. Perbincangan

Perbincangan, atau perbualan, merupakan strategi pembelajaran utama dalam kurikulum EHL. Salah satu matlamat perbincangan ialah untuk menggalakkan penyertaan penuh di kalangan pelajar. Suatu perbincangan yang baik memerlukan guru atau ketua perbincangan untuk menjadi pendengar dan “penganyam”, mengambil pemikiran pelbagai pelajar dan menganyamnya menjadi suatu corak yang jelas. Matlamat akhir ialah supaya para pelajar sendiri menjadi penganyam.

#### Objektif

- ▲ untuk mencari apa yang para pelajar tahu mengenai sesuatu topik
- ▲ untuk meningkatkan kemahiran berbincang, iaitu, mendengar dan bercakap
- ▲ untuk memberikan latihan kepada para pelajar dalam menyatakan suatu pendirian dan membela pendirian itu dengan bukti

#### Bersedia untuk bermula

Tetapkan dua peraturan berikut untuk pelajar pada permulaan. Kemudian anda boleh menunjukkan kepada mereka peraturan-peraturan ini semasa suatu perbincangan yang memberangsangkan sedang hangat berjalan.

1. Dengar dengan teliti kepada orang lain dan tunggu sehingga mereka habis bercakap.
2. Anda bebas bercanggah dengan pendapat orang lain, tetapi anda harus layan mereka dan pandangan mereka dengan hormat.

Buatkan suatu fokus yang jelas dengan menampalkan satu atau kesemua perkara berikut di atas papan kenyataan:

- ▲ soalan (soalan-soalan) untuk dibincangkan
- ▲ objektif perbincangan
- ▲ hasil yang diinginkan daripada perbincangan

Menggunakan soalan, gambar, cerita, kenyataan, video, latihan penulisan atau apa-apa rangsangan lain yang bersesuaian untuk menghasilkan pemikiran bagi perbincangan.

#### Mengetuai kumpulan

- ▲ Berikan masa kepada pelajar untuk berfikir mengenai apa yang mereka mahu kata. Jika mereka telah menulis pemikiran mereka, berkemungkinan mereka akan lebih bersedia apabila tiba masa untuk bercakap.
- ▲ Hargai sumbangan. Ia akan dapat membantu jika anda dapat merekodkan perkara-perkara utama di atas papan hitam bagi tujuan kesimpulan dan analisa.
- ▲ Galakkan pelajar untuk memberikan sumbangan kepada perbincangan dengan mengajak mereka untuk menambahkan lagi pemikiran mereka dengan bertanya sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan orang lain dalam kumpulan itu.
- ▲ Galakkan pelajar untuk bercakap dengan pelajar lain selain dari mengarahkan segala komen kepada anda.

# 1. Perbincangan

## Menangani kesukaran

- ▲ Jika seseorang memberikan maklumat yang tidak betul, pertama lihat sama ada kesalahan itu penting. Jika ya, minta input daripada pelajar lain, dalam cara yang tidak akan menyebabkan pelajar asal yang bercakap mengenainya rasa tidak bersemangat lagi. Secara alternatif, jelaskan ketidakfahaman itu secara bersendirian.
- ▲ Jika pelajar enggan bercakap, ingatkan mereka bahawa matlamatnya ialah untuk mencari idea dan pandangan, bukan untuk mencari jawapan “yang betul”.
- ▲ Jika perbincangan itu menjadi tidak terkawal, ingatkan para pelajar mengenai dua peraturan yang telah ditetapkan pada permulaan tadi.
- ▲ Jika hanya beberapa pelajar sahaja yang bercakap, panggil pelajar lain untuk memberikan sumbangan atau minta sesiapa yang diam untuk membaca daripada pemikiran/renungan yang telah mereka tulis. (Lihat “Nota kepada guru 7: Mengenai penulisan reflektif”.)

Bagaimana jika perbincangan itu melencong kepada isu-isu politik yang sensitif atau kepercayaan dan amalan keagamaan dan budaya? Jika ini berlaku, ia mungkin menunjukkan komitmen para pelajar terhadap minat, kebimbangan atau pengalaman yang biasa. Jika perbincangan ini berkaitan dengan pembelajaran EHL, anda boleh memperuntukkan masa dalam kelas bagi membuat lebih banyak penerokaan, buat suatu aktiviti lanjutan bagi kelas anda, atau galakkan para pelajar untuk membuat penyelidikan secara bersendirian. Jika perbincangan itu tidak berkaitan dengan pembelajaran EHL dalam kelas, anda boleh membincangkan topik itu secara bersendirian di luar kelas untuk membantu beberapa pelajar memikirkan mengenai idea-idea itu, kerana ia mungkin mempunyai hubungan dengan pengalaman, minat atau keperluan peribadi. Kemungkinan lain ialah mencadangkan supaya pelajar itu menjalankan projek penyelidikan secara bersendirian mengenai isu itu.

## Menilai pembelajaran

- Adakah pelajar dapat mengenal pasti dan berkongsi apa yang mereka tahu?
- Adakah pelajar mendengar dan memberikan respons kepada idea satu sama lain?
- Apakah idea-idea utama atau ketidaksetujuan yang timbul?
- Apakah yang telah anda pelajari?
- Apakah yang akan anda lakukan dengan berlainan?
- Bagaimanakah anda akan membina perbincangan bagi pelajaran yang akan datang?

## 2. Sumbangsaan

### Nota kepada guru

#### 2. Sumbangsaan

Sumbangsaan ialah suatu teknik yang menggalakkan pemikiran asal dengan mencipta suasana yang mengeneipkan penghakiman. Sumbangsaan memberikan peluang untuk menghasilkan seberapa banyak idea yang mungkin dalam suatu tempoh masa tertentu. Jika matlamatnya ialah untuk menyelesaikan masalah, sumbangsaan membolehkan cadangan pelbagai penyelesaian daripada individu-individu yang berbeza. Selepas itu, pelajar boleh membuat kesimpulan bagi maklumat-maklumat dan kemudian memberikan respons secara berkumpulan.

#### Objektif

- ▲ untuk mengumpulkan pelbagai idea untuk perbincangan atau untuk menjawab soalan
- ▲ untuk menggalakkan kespontanan

#### Bersedia untuk bermula

Beritahu para pelajar bahawa anda mahu menghasilkan seberapa banyak idea yang mungkin daripada kumpulan itu. Sediakan garis panduan seperti berikut:

- ▲ beri idea secara spontan
- ▲ cuba jangan menilai idea anda sebelum berkongsi idea itu
- ▲ cuba berfikiran terbuka mengenai komen orang lain; jangan menilai
- ▲ tambah kepada idea yang orang lain cadangkan

#### Mengetuai kumpulan

- ▲ Nyatakan soalan atau fokus sumbangsaan itu dengan jelas.
- ▲ Jelaskan apa-apa soalan sebelum para pelajar mula memberikan respons.
- ▲ Rekodkan segala sumbangan.
- ▲ Jelaskan sumbangan yang kelihatan tidak sesuai. (Pastikan anda melakukannya dalam cara yang tidak akan menghalang sumbangan pada masa hadapan).
- ▲ Jika proses itu kelihatan kurang berjaya, anda boleh nyatakan semula soalan untuk menggalakkan respons tambahan.
- ▲ Pada penutup sesi sumbangsaan, semak semula dan buat kesimpulan senarai idea yang telah dikongsi, atau minta para pelajar melakukannya.

#### Menangani kesukaran

- ▲ Jika respons para pelajar tidak berkaitan dengan topik, anda boleh berhenti seketika untuk memberikan definisi dengan lebih jelas sebelum menyambung semula.
- ▲ Jika para pelajar menghadapi kesukaran kerana mereka tidak biasa dengan topik itu, anda boleh memberikan beberapa respons yang mungkin boleh merangsang idea mereka.



## 2. Sumbangsaan

### Menilai pembelajaran

- Setakat manakah para pelajar dapat menghasilkan idea?
- Setakat manakah kumpulan itu dapat menyimpulkan senarai idea yang telah dikongsi?
- Apakah kelebihan atau kekurangan menggunakan strategi ini?
- Apakah yang akan anda lakukan dengan cara yang lain sekiranya anda melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sama?

### 3. “Tiada jawapan mudah”

## Nota kepada guru

### 3. “Tiada jawapan mudah”

Dalam EHL, guru berkemungkinan akan mengemukakan soalan yang guru sendiri menghadapi kesukaran untuk menjawabnya, bukan kerana kekurangan maklumat tetapi kerana tiada jawapan yang mudah. Kami mencadangkan agar anda menetapkan suatu tempat di mana soalan yang sukar yang dibangkitkan oleh para pelajar dapat direkodkan dan dipamerkan, dan panggil ia dengan nama “Tiada Jawapan Mudah”. Suatu sumber bagi menjawab soalan-soalan ini ialah buku kecil ICRC berjudul *Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa: Jawapan Kepada Soalan Anda*. Seseengah daripada soalan ini akan terjawab semasa sesi penerokaan.

#### Objektif

- ▲ untuk merekodkan soalan yang sukar yang ditanya oleh para pelajar (bagi rujukan kemudian)
- ▲ untuk mengakui bahawa jawapan kepada beberapa soalan adalah rumit
- ▲ untuk mengenal pasti sumber yang mungkin boleh membantu dalam meneroka soalan yang sukar

#### Persediaan

Tunjukkan bahawa dalam situasi konflik bersenjata keadaannya adalah terlalu teruk dan tingkah laku sukar untuk ditentukan. Oleh itu, banyak soalan mengenai situasi begini tidak ada jawapan yang mudah. Soalan-soalan ini walau bagaimanapun, hendaklah dijawab seberapa cepat yang mungkin supaya pelajar tidak hilang minat.

#### Mengetuai kumpulan

- ▲ Soalan yang sukar untuk dijawab dan tiada jawapan pasti yang tersedia hendaklah diakui sebagai sukar dan bersifat sedemikian.
- ▲ Minta para pelajar mencungkil soalan-soalan sebegini dengan bertanya lebih banyak soalan, atau cari akibat-akibat daripadanya.
- ▲ Minta para pelajar, secara individu atau dalam kumpulan kecil, untuk memberi cadangan.
- ▲ Tetapkan had terhadap berapa banyakkah usaha yang akan diluahkan bagi soalan-soalan sebegini.
- ▲ Kenal pasti soalan-soalan yang akan dijawab dalam program ini kemudian.

#### Beberapa soalan sukar yang sering ditanya oleh pelajar dan jawapan-jawapan yang mungkin diberi oleh guru

- Bukankah fakta bahawa menggubal undang-undang tentang tingkah laku semasa peperangan itu mengesahkan peperangan? Bukankah peraturan-peraturan menjadikan peperangan seperti suatu permainan? Kenapa tidak haramkan saja peperangan?

Peperangan pada sebahagian besarnya memang diharamkan oleh undang-undang. Hanya ada dua pengecualian di bawah undang-undang antarabangsa: peperangan yang diperangi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau oleh sesebuah negara dalam melindungi negaranya. Walau bagaimanapun, kejadian-kejadian dalam separuh kedua abad kedua puluh telah menunjukkan bahawa pengharaman peperangan tidak menghalangnya daripada berlaku. IHL hanya mengakui akan kesedihan realiti sesuatu peperangan; ia tidak membiarkannya atau mengesahkannya.

### 3. “Tiada jawapan mudah”

Untuk perbincangan yang lebih menyeluruh dalam soalan ini, lihat “Penerokaan Pengenalan: Imej dan Persepsi”.

- Kenapakah askar-askar yang dikerah tidak dianggap sebagai mangsa yang tidak bersalah dalam peperangan? Mereka dihantar untuk berperang di bawah ancaman akan dihukum, diletakkan dalam bahaya dan diarahkan untuk melakukan banyak perkara yang tidak berpadanan dengan maruah manusia.

Jika diteliti dalam sejarah, kebanyakan tentera adalah berdasarkan kerahan. Persoalannya bukanlah sama ada askar-askar yang dikerah itu menjadi mangsa, tetapi sama ada sesebuah negara boleh, apabila berada dalam bahaya, memaksa rakyatnya untuk menjadi askar. Ini akan dengan mudah membawa kepada perbincangan mengenai orang yang menolak dengan berhemat (suatu topik di luar rangka kerja IHL). Patutkah individu yang enggan bertempur dihukum? Kenapa? Bukankah lebih baik hanya membenarkan tentera-tentera yang menawarkan diri secara sukarela sahaja? Adakah tentera yang menawarkan diri secara sukarela juga menimbulkan masalah?

Perkara berikut juga boleh dibuat:

IHL bertujuan melindungi semua pejuang yang tidak lagi mengambil bahagian secara aktif dalam permusuhan ekoran mereka meletakkan senjata, jatuh sakit, atau tercedera atau ditawan. Apabila mana-mana perkara tersebut berlaku, para pejuang menjadi mangsa peperangan. Maka, dengan undang-undang kemanusiaan kuasa yang menahan adalah bertanggungjawab dalam layanan yang diberikan kepada mereka.

- Apa yang boleh dilakukan oleh seseorang askar jika pegawai pemerintahnya memberikan arahan yang mencabul IHL?

Askar-askar mesti tahu peraturan-peraturan asas IHL bagi membolehkan mereka membezakan antara arahan yang sah dan tidak sah. Jika seseorang askar diarahkan untuk berbuat sesuatu yang mencabul IHL dan mungkin juga suatu jenayah peperangan, dia sepatutnya menolak; mematuhi arahan bukanlah suatu alasan. Pada masa yang sama, hendaklah diakui bahawa selalunya sangat sukar — dan biasanya bahaya — bagi seseorang askar untuk enggan melaksanakan arahan.

- Kenapakah negara-negara yang berkuasa yang memenangi sesuatu peperangan tidak didakwa?

Memang benar, dari segi amalan, pemenang selalunya terlepas daripada keadilan. Ini sebahagiannya kerana sehingga baru-baru ini, tidak ada sistem untuk memastikan bahawa keadilan antarabangsa terpakai secara sama rata kepada semua. Tetapi keadaan sedang berubah. Usaha-usaha telah dijalankan untuk menubuhkan suatu Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang tetap yang mempunyai bidang kuasa terhadap pencabulan IHL, suatu mahkamah yang boleh membicarakan individu-individu yang bertanggungjawab tanpa mengira negara asal mereka.

Bagi perbincangan kelas, anda boleh tanya:

- Adakah ketidakadilan dalam penguatkuasaan bermakna tidak perlu undang-undang?

Sebagai suatu tugas penyelidikan, anda boleh menyuruh para pelajar mencari contoh-contoh pendakwaan bagi orang yang dituduh mencabul IHL semasa dan periksa laman web EHL bagi contoh-contoh penguatkuasaan yang berjaya.

### 3. “Tiada jawapan mudah”

- Kenapakah usahawan besar yang mendapat banyak wang hasil penjualan senjata tidak didakwa?

Soalan mengenai tanggungjawab bagi pengeluaran atau perdagangan senjata haram adalah di luar skop IHL. Isu sebegini adalah ditangani dalam rangka kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Usahawan-usahawan yang bersalah kerana berdagang senjata haram atau berdagang dengan negara-negara di bawah sekatan senjata boleh didakwa.

- Apakah yang dilakukan oleh IHL mengenai bom atom? Apakah perkara-perkara yang terletak di bawah ruang lingkup IHL? Nampaknya sinaran laser ya, tetapi bukan senjata nuklear. Kenapa begitu?

IHL melarang senjata yang boleh menyebabkan kecederaan yang melampau atau penderitaan yang tidak perlu dan senjata yang tidak boleh membezakan antara orang awam dan kombatan. Berdasarkan prinsip ini, sukar untuk membayangkan suatu situasi yang penggunaan bom atom boleh menjadi sah.

- Bukankah sesetengah peperangan lebih “munasabah” daripada yang lain? Bukankah berjuang untuk melindungi negara anda atau untuk mendapatkan kebebasan lebih munasabah/adil daripada hanya berperang untuk mengambil alih negara lain?

Suatu jawapan yang mudah dan langsung ialah: IHL tidak mengadili sebab peperangan, tetapi mengawal konflik apabila ia meletus, tanpa mengambil kira mengapa konflik itu tercetus. IHL bertujuan melindungi orang yang tidak bersalah daripada menderita akibat peperangan dengan menggunakan peraturan-peraturan yang sama tanpa mengira apa yang menyebabkan konflik itu.

Anda boleh minta para pelajar untuk membuat hujah yang menyokong dan menentang perspektif IHL. Pertimbangkan, contohnya, apa akan berlaku jika orang awam atau tentera yang *hors de combat* diberikan perlindungan yang berlainan berdasarkan anggapan bahawa alasan untuk berperang negara mereka adalah betul. Senaraikan akibatnya.

#### Menangani kesukaran

- ⤴ Jika dua pendapat yang bertentangan menjadi terlalu kukuh, anda boleh menunjukkan bahawa pakar dalam bidang itu juga tidak bersetuju dengan soalan sedemikian, dan anda boleh menganjurkan suatu perdebatan yang lebih formal mengenai perkara itu.
- ⤴ Jika anda tidak dapat menyelesaikan sesuatu soalan, anda boleh berunding dengan pakar di kawasan anda.
- ⤴ Para pelajar juga boleh menyiasat soalan-soalan melalui laman web EHL, di mana ahli kakitangan ICRC, guru atau pelajar lain boleh menawarkan respons.
- ⤴ Jangan lupa untuk menyemak semula soalan-soalan di sudut “Tiada Jawapan Mudah” dari semasa ke semasa.

### 3. “Tiada jawapan mudah”

#### Menilai pembelajaran

Perkara berikut boleh digunakan sebagai asas perdebatan atau penulisan esei.

Seorang pakar undang-undang Switzerland, Emmerich de Vattel (*The Law of Nations*, 1758) memberi suatu pandangan yang menarik:

Memandangkan semua negara yang sedang berperang mengesahkan bahawa alasan-alasan mereka adalah adil, siapakah yang akan menjadi hakim di antara mereka? Disebabkan tiada hakim, rujukan hendaklah dibuat kepada peraturan-peraturan yang mengawal peperangan. Peraturan pertama ialah peperangan biasa hendaklah dikira adil di kedua-dua pihak. Ini amat perlu (...) jika orang ramai ingin memperkenalkan apa-apa arahan, apa-apa peraturan, kepada suatu operasi yang begitu ganas seperti yang melibatkan senjata, atau untuk menetapkan sekatan-sekatan kepada bencana (...) dan membenarkan satu pintu sentiasa terbuka bagi pengembalian kedamaian. [Terjemahan]

Ini ialah bagaimana dia membuat kesimpulan peraturan-peraturan yang peperangan sepatutnya dikawal:

Segala kerosakan yang telah dilakukan kepada pihak musuh dengan tidak sepatutnya, setiap tindakan keganasan yang bukan bermaksud untuk memastikan kemenangan dan menamatkan peperangan (...) adalah dikutuk oleh undang-undang semula jadi. [Terjemahan]

— *The Law of Nations*, 1758, diterjemahkan oleh Joseph Chitty, 1834, seperti yang digambarkan dalam Major-General J.F.C. Fuller, *The Conduct of War 1789–1961*, Rutgers University Press, 1961.

- Adakah anda bersetuju bahawa tidak ada hakim yang boleh memutuskan keadilan untuk berperang?
- Adakah anda bersetuju bahawa dengan tidak menyalahkan kedua-dua pihak atas sebab berperang lebih berkemungkinan membawa kedamaian daripada meletakkan kesalahan di atas sesuatu pihak?
- Adakah kesimpulan de Vattel mengenai apa yang “dikutuk oleh undang-undang semula jadi” suatu asas yang baik bagi undang-undang peperangan?

Pada penghujung program, lawati semula sudut soalan-soalan “Tiada Jawapan Mudah” yang dipamerkan untuk menunjukkan soalan manakah yang telah dijawab dan yang mana belum.

## Nota kepada guru

### 4. Penggunaan dilema

Dilema memperkenalkan para pelajar kepada cabaran-cabaran yang rumit dalam membuat keputusan etika semasa konflik bersenjata. Terdapat sekurang-kurangnya tiga alasan bagi kerumitan itu:

- ▲ Ramai orang terjejas oleh apa-apa keputusan, dan nasib dan persepsi mereka pula akan menjejaskan orang lain.
- ▲ Apa-apa keputusan mempunyai kesan sampingan, sesetengahnya tidak boleh dijangkakan.
- ▲ Seseorang tidak boleh mencapai semua matlamat pada masa yang sama. Tindakan untuk mencapai satu matlamat utama selalunya menghalang pencapaian matlamat yang lain. “Mempunyai matlamat yang berlawanan”, sudah tentu adalah salah satu ciri banyak dilema.

Istilah “dilema” selalu digunakan dengan mudah, tetapi dalam situasi yang memerlukan bantuan kemanusiaan pergelutan untuk menyelesaikan dilema melibatkan akibat yang besar. Ia juga mungkin menjadi persoalan hidup atau mati. Dilema tidak boleh dielakkan dengan memutuskan untuk tidak memilih, kerana dengan tidak berbuat apa-apa juga ialah suatu pilihan. Untuk menggunakan teknik analisis dilema dengan berkesan, para guru mesti menganalisa dua soalan dengan para pelajar: Apakah itu dilema? Apakah akibat-akibatnya?

#### Objektif

- ▲ untuk membantu pelajar memahami konsep “dilema” dan “matlamat yang berlawanan”
- ▲ untuk membantu pelajar mengalami dan memahami kerumitan yang sering dikaitkan dengan membuat keputusan etika semasa konflik bersenjata
- ▲ untuk memberi pelajar peluang mengenal pasti perspektif yang pelbagai
- ▲ untuk membantu pelajar memahami konsep akibat, termasuklah akibat yang tidak diniatkan dan tidak dijangkakan
- ▲ untuk memperkenalkan pelajar kepada analisa rantai akibat kesan

#### Bersedia untuk bermula

1. Mulakan dengan menggalakkan para pelajar untuk menggunakan kata-kata yang biasa untuk menggambarkan konsep dilema. (“Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa”). Galakkan mereka untuk memberi idea mengenai apa itu dilema. Minta mereka berikan contoh, dan terangkan apa yang membolehkan contoh tertentu sebagai dilema.
2. Berikan definisi mengenai dilema. Bantu pelajar mengenal pasti ciri-ciri utama dilema:
  - ▲ suatu situasi yang menghendaki membuat pilihan di antara tindakan-tindakan alternatif (termasuklah dengan tidak berbuat apa-apa)
  - ▲ segala pilihan mempunyai kelebihan dan kekurangan

## 4. Penggunaan dilema

3. Tunjukkan bahawa memilih “perkara yang betul untuk dilakukan” adalah sukar dan bahawa untuk “membuat sesuatu yang terbaik daripada situasi yang buruk” juga seolah-olah tidak mungkin kerana:
  - ▲ setiap pilihan akan berkemungkinan membawa masalah
  - ▲ tidak ada kepastian mengenai apakah hasil daripada pilihan yang dibuat itu
4. Pilih satu dilema untuk digunakan yang berpadanan dengan tujuan anda. Situasi dilema boleh ditemui oleh guru semasa menerokai undang-undang kemanusiaan.

### Mengetuai kumpulan

Dalam mengetuai perbincangan mengenai dilema, ikuti empat langkah berikut:

#### 1. Memperkenalkan soalan-soalan untuk mencari cadangan tindakan

Gunakan salah satu cerita yang disediakan dalam bahan-bahan EHL atau suatu dilema yang datang daripada para pelajar sendiri. Suruh para pelajar cadangkan beberapa tindakan sebagai respons kepada dilema. Kemudian, bagi tiap-tiap tindakan, gunakan soalan-soalan ini untuk meneroka hasil yang mungkin:

- Apakah hasil yang mungkin terjadi akibat tindakan yang dicadangkan itu?
- Adakah apa-apa hasil lain? (Jika berkenaan, kaji rantai tindakan yang boleh terjadi dan hasil tiap-tiap satunya)
- Apakah perkara-perkara yang tidak diketahui atau tidak dapat dijangka dalam situasi ini?
- Siapakah orang lain yang terlibat? Bagaimana mereka boleh terjejas dengan tindakan anda? Bagaimana mereka akan melihat tindakan anda? Bagaimana pula pandangan orang lain yang boleh mempengaruhi akibat itu?

Ulang soalan yang sama bagi tiap-tiap tindakan yang dicadangkan. Akhirnya pelajar patut bertanya kepada diri mereka sendiri. Belajar bertanya soalan-soalan yang baik membuktikan bahawa golongan remaja sedang belajar kemahiran dan konsep yang berhubungan dengan analisa dilema.

#### 2. Menganalisa kerumitan sesuatu dilema

Minta pelajar bandingkan dan memilih antara tindakan-tindakan yang dicadangkan, gunakan setiap soalan ini kepada setiap tindakan yang dicadangkan:

- Sejauh manakah keberkesanan tindakan yang anda pilih mungkin akan mencapai hasil yang anda ingini?
- Adakah kemungkinan tindakan yang anda pilih akan menyebabkan masalah yang lebih teruk dalam jangka masa panjang?
- Apakah matlamat tindakan anda? Kenapa anda memilih matlamat itu?
- Adakah tindakan yang dipilih itu mengabaikan matlamat lain yang penting?

Buat kesimpulan dengan mengakui kerumitan pertimbangan yang terlibat.

## 4. Penggunaan dilema

### 3. Kenal pasti rantaian kesan akibat

Suruh pelajar mengenal pasti akibat yang mungkin berlaku daripada tindakan atau kejadian berikut:

- ▲ Nelayan yang keluar ke laut apabila ribut datang dan menenggelamkan bot mereka.
- ▲ Pemburu menembak seekor rusa

Bantu pelajar melihat tindakan-tindakan yang mempunyai akibat yang membawa kepada akibat yang lain. Ini dipanggil rantaian kesan akibat (*chain of consequence*).

(Ribut ⇔ tenggelam ⇔ nelayan mati ⇔ kesedihan dan kemiskinan ahli keluarga mereka, dsb.)

Beberapa akibat memang diniatkan (pemburu mendapatkan makanan untuk ahli keluarganya jadi...). Beberapa akibat mungkin tidak diniatkan (rusa yang mati baru saja melahirkan anak dan anaknya kini tidak beribu jadi ...).

### 4. Mengesan rantaian kesan akibat

Minta para pelajar mencari situasi di mana satu kejadian sahaja boleh menyebabkan banyak akibat, sesetengahnya mempunyai akibat selanjutnya. Ini menghasilkan rantaian yang kompleks.

### Menangani kesukaran

- ▲ Pelajar mungkin terus membuat kesimpulan. Jika ini berlaku, minta para pelajar melangkah ke belakang untuk menganalisa tindakan dan akibat.
- ▲ Kadangkala kerumitan itu mungkin membawa kesan yang buruk. Akui kekecewaan para pelajar.

### Menilai pembelajaran

Minta para pelajar menuliskan satu dilema daripada pengalaman mereka sendiri.

- Apakah matlamat yang berlawanan?
- Apakah tindakan-tindakan yang mungkin?
- Apakah kesan akibat tindakan yang diambil?
- Apakah akibat yang mungkin dan rantai reaksi?





## 5. Main peranan

### Nota kepada guru

#### 5. Main peranan

Main peranan memberi peluang kepada pelajar untuk “memahami peranan” seseorang lain dan menjadikan pengalaman yang digambarkan dalam tulisan menjadi hidup melalui lakonan drama. Main peranan yang berjaya termasuklah persediaan yang dibuat sebelum itu dan perbincangan selepasnya.

##### Objektif

- ▲ untuk membuatkan pelajar lebih sedar akan pelbagai perspektif dalam sesuatu situasi
- ▲ untuk membuatkan pelajar lebih sedar akan etika dilema yang mungkin terlibat dalam tindakan kemanusiaan
- ▲ untuk membantu pelajar berhubung dengan pengalaman orang lain

##### Bersedia untuk bermula

- ▲ Jelaskan situasi tersebut supaya pelajar tahu apa yang dikehendaki oleh setiap watak.
- ▲ Berikan latar atau konteks — tempat, masa, keadaan dan maklumat latar belakang yang lain — untuk membantu pelajar menempatkan diri dalam situasi itu.
- ▲ Gunakan soalan untuk membantu para pelajar mendefinisikan setiap watak. Apakah yang dikehendaki oleh orang ini dan kenapa? Apakah hasil yang diharapkan untuk dicapai oleh orang ini?
- ▲ Tetapkan masa untuk membuat persediaan, main peranan dan perbincangan.

##### Mengetuai kumpulan

Bagi main peranan yang berkesan, ikut empat langkah berikut:

1. **Persediaan.** Bentangkan cerita atau dilema. Berikan masa yang mencukupi untuk berbincang situasi atau isu itu. Fokus kepada perkara berikut: Apakah topiknya? Apakah situasinya? Apakah keputusan yang cuba dibuat oleh orang yang terlibat? bukannya Siapakah pelakornya? Perbincangan persediaan amat penting. Walaupun main peranan itu mungkin tidak berjaya tetapi, kumpulan itu akan belajar daripada perbincangan. Anda mungkin mahu memberikan tugas watak-watak kepada kumpulan-kumpulan kecil supaya beberapa pelajar mempunyai peluang untuk merenung watak yang sama. Galakkan pelajar untuk mengkaji sifat kemanusiaan setiap orang dalam situasi itu dan untuk mengelakkan memilih watak orang jahat. Berikan respons kepada soalan para pelajar.
2. **Latihan.** Peranan anda sebagai pengarah ialah untuk memastikan para pelajar berada di atas landasan. Sediakan peralatan latar belakang yang minimum dan alat untuk membantu pelajar semasa mereka membuat persediaan main peranan mereka. Elakkan dari memberi arahan yang terlalu banyak hingga menyekat kreativiti mereka.

## 5. Main peranan

3. **Persembahan.** Inilah peluang bagi para pemain peranan. Anda mungkin mahu memberi tugas kepada pelajar lain, contohnya, untuk mengikuti watak tertentu dan keputusan yang dia perlu lakukan. Perbincangan persediaan dan tugas mengenai persembahan ini membantu pelajar lain untuk memfokuskan kepada isu dalam cerita itu dan perasaannya daripada fokus terhadap lakonan yang dibuat.
4. **Penutup.** Semasa perbincangan dan maklum balas selepas main peranan, galakkan pelajar untuk memberi komen kepada isu yang dibangkitkan semasa drama itu. Rujuk kepada soalan dalam bahan-bahan yang disediakan untuk pelajar. Minta pelajar menganalisa pengalaman mereka semasa memainkan peranan atau semasa melihat drama itu dilakukan dan minta mereka membuat refleksi terhadap isu dan pengalaman yang dipersembahkan. Adakah mereka telah mendapat perspektif baru daripada mana-mana watak? Apakah yang telah berjaya dicapai? Apa yang tidak tercapai? Apakah yang akan mereka lakukan dengan berlainan? Anda boleh membuat kesimpulan dengan membuat kenyataan yang membawa para pelajar kepada objektif latihan ini.

### Menangani kesukaran

- ▲ Main peranan, disebabkan sifatnya yang menghiburkan, boleh mengurangkan nada serius sesuatu isu. Gelak ketawa boleh menjadi suatu cara untuk melepaskan tekanan psikologi apabila emosi yang tertekan sedang dialami. Para pelajar (kedua-dua pelakon dan penonton) mungkin ketawa. Dan anda mungkin perlu mengingatkan mereka mengenai topik utama aktiviti itu.
- ▲ Jika pelajar melakonkan suatu cerita yang tidak ada kesudahannya dan ingin tahu apa yang sebenarnya terjadi, penuhi keinginan mereka untuk tahu dengan memaklumkan mereka mengenai kesudahan sebenar cerita itu.

### Rangka kaku (*Freeze Frame Technique*)

Semasa “rangka kaku” pelajar memberhentikan aksi pada titik yang penting dan “membekukan” diri supaya keadaan menjadi terpaku. Gunakan rangka kaku untuk menunjukkan akibat sesuatu keputusan atau tunjukkan perkara pokok sesuatu dilema. Apakah keputusan yang akan dibuat oleh kumpulan? Walaupun rangka kaku kurang memberi penerangan daripada main peranan sepenuhnya, tetapi teknik rangka kaku membolehkan pelajar memfokuskan kepada beberapa persimpangan penting dalam cerita itu.

### Menilai Pembelajaran

Gunakan perbincangan selepas latihan main peranan untuk menentukan takat pemahaman para pelajar mengenai isu dan dilema yang dilakukan, begitu juga keupayaan mereka untuk “memahami peranan” orang lain.

## 6. Cerita, gambar dan video

### Nota kepada guru

#### 6. Cerita, gambar dan video

EHL cuba untuk bekerja dengan minda dan hati. Pelajar melangkah ke dalam sepatu orang yang berada dalam peperangan, sama ada mereka ialah mangsa, askar atau petugas kemanusiaan. Untuk berbuat begini, program ini akan bekerja dengan salah satu teknik tertua untuk menurunkan budaya — bercerita. Cerita yang datang dari pelbagai kebudayaan, secara amnya mengenai membuat keputusan etika. Sebagai tambahan kepada cerita, EHL menggunakan gambar dan video berserta dengan gambar cerita untuk memperkenalkan kepada pelajar situasi sebenar dan untuk merangsang perbincangan.

#### Objektif

- ▲ untuk menyediakan rangsangan kepada pemikiran para pelajar melalui cerita, gambar dan video
- ▲ untuk menyediakan imej dan konteks untuk membantu pelajar memahami konsep
- ▲ untuk memberikan suatu pengalaman yang sama kepada pelajar untuk mencetuskan perbincangan

#### Bersedia untuk bermula

- ▲ Sebelum menggunakan cerita, biasakan diri dengan maklumat latar belakang dan fokuskan kepada soalan yang dicadangkan dalam bahan EHL.
- ▲ Di mana-mana yang boleh, cerita boleh diberikan kepada kelas bermula supaya pelajar lebih membiasakan diri dengan kandungan dan ini memberi lebih masa untuk perbincangan. (Kemudian semak semula cerita itu dalam kelas juga).
- ▲ Perkenalkan kolaj foto dengan menerangkan tujuan dan konteksnya, contoh, “ini ialah gambar orang yang telah dipaksa berpindah kerana peperangan”.
- ▲ Sediakan para pelajar untuk tayangan video dengan menggunakan suatu pengenalan dan memberikan mereka soalan atau apa-apa yang perlu mereka cari semasa menonton. Gunakan transkrip untuk merujuk kembali kepada maklumat tertentu dalam video.

#### Mengetuai kumpulan

Selepas para pelajar membaca cerita, kaji gambar atau menonton video, minta mereka tuliskan pendapat dan tindak balas mereka sebelum membincangkan pengalaman mereka. Beberapa cerita boleh ditayangkan dengan memberhentikan pada tempat tertentu di mana keputusan perlu dibuat. Teknik rangka kaku boleh digunakan untuk menayang cerita. (Lihat “Nota kepada guru 5: Mengenai main peranan”).

Sebagai tambahan kepada soalan yang khusus yang telah dibangkitkan bagi sesuatu cerita, pertimbangkan set soalan generik berikut apabila membincangkan cerita, gambar dan video.

Situasi: Siapakah yang berada dalam bahaya? Apakah jenis bahaya itu? Siapakah penyaksi?

Pilihan: Kenal pasti pilihan yang ada kepada penyaksi.

## 6. Cerita, gambar dan video

- Akibat: Kenal pasti dan cari akibat bagi tiap-tiap tindakan (diniatkan/tidak diniatkan; positif/negatif; jangka pendek/panjang)
- Perspektif: Pertimbangkan akibat daripada pandangan protagonis/pendukung yang berbeza dalam situasi itu.
- Keputusan: Apakah keputusan yang akan anda buat? Kenapa?

Semasa perbincangan minta para pelajar pertimbangkan:

- Apakah ancaman kepada nyawa atau maruah seseorang individu?
- Apakah tindakan alternatif yang ada?
- Apakah akibat bagi setiap tindakan?
- Apakah rasional bagi keputusan yang dibuat?
- Apakah peranan tekanan sosial?

Sesetengah penerokaan menggalakkan para pelajar untuk membawa cerita daripada keluarga mereka sendiri dan tradisi yang berhubung dengan pengalaman konflik bersenjata dan/atau tindakan kemanusiaan.

Bahan yang disumbangkan oleh para pelajar boleh dipamerkan, dibuat dalam bentuk buku skrap, disepadukan ke dalam kandungan kursus, digunakan sebagai bahan bacaan dalam pelajaran ini, digunakan untuk menggambarkan suatu konsep atau pengalaman atau diletakkan di laman web EHL untuk dikongsi dengan para pelajar lain di seluruh dunia.

### Menangani masalah

- ▲ Cerita, gambar dan video boleh menimbulkan tindak balas emosi di kalangan para pelajar. Selalulah berikan pelajar peluang untuk menyatakan reaksi mereka terhadap bahan ini.
- ▲ Jika sesuatu imej menghasilkan suatu tindak balas emosi yang kuat bagi seseorang pelajar tertentu, dia mungkin tidak mahu mengambil bahagian dalam perbincangan. Guru harus menghormati perasaan pelajar.
- ▲ Berbincanglah dengan pelajar yang kelihatan menghadapi masalah ini.

### Menilai pembelajaran

- Adakah pelajar menggunakan contoh daripada cerita, gambar atau video untuk memahami konsep dengan lebih luas?
- Suruh para pelajar untuk mengembangkan cerita, lukisan, gambar atau video mereka sendiri untuk menggambarkan suatu konsep.

## 7. Penulisan reflektif

### Nota kepada guru

#### 7. Penulisan reflektif

“Bagaimanakah saya boleh mengetahui apa yang saya fikirkan sehinggalah saya melihat apa yang saya tulis?” – C.S. Lewis

Penyelidikan pendidikan telah menunjukkan bahawa para pelajar memahami dengan lebih baik apabila penulisan diintegrasikan sepenuhnya dalam pengajian mereka. EHL sering memberi peluang kepada pelajar untuk memudahkan pemahaman mereka mengenai sesuatu kandungan melalui penulisan.

#### Objektif

- ▲ untuk memberikan setiap pelajar peluang untuk berfikir mengenai isu-isu yang akan dibincang
- ▲ untuk mendapatkan para pelajar mendokumentasikan pemikiran mereka sebelum mendengar pandangan daripada kumpulan
- ▲ untuk menyediakan latihan dalam bentuk penulisan
- ▲ untuk mendapatkan para pelajar menyimpan rekod yang digunakan sebagai rujukan, mengimbas kembali dan bagi penulisan dan penyelidikan yang selanjutnya

#### Menyimpan jurnal EHL

Jika boleh, minta pelajar menyimpan semua penulisan mereka bagi kursus tersebut di satu tempat sahaja. Adalah ideal bagi mereka untuk menyimpan jurnal atau portfolio penulisan mereka. Jurnal ini ialah untuk kegunaan mereka sendiri, bukan untuk diberikan grad — suatu tempat di mana mereka boleh meluahkan idea mereka yang tersendiri dan membuat nota bagi diri mereka di dalam apa cara sekalipun. Beritahu pelajar supaya jangan risau mengenai ejaan, nahu atau tanda bacaan apabila mereka memulakan penulisan. Yang penting ialah mereka boleh menyatakan perasaan mereka dalam tulisan. Bahan yang pelajar tulis di dalam jurnal mereka boleh dijadikan sebagai asas permulaan dan sumber bagi memperkembangkan lebih banyak esei formal atau penerokaan bagi tema dan idea. Pelajar yang lebih dewasa pula boleh menggunakan sebahagian daripada idea tersebut untuk menjalankan penyelidikan secara berasingan.

#### Bentuk penulisan lain

Peluang bagi pelbagai bentuk penulisan yang lain memang banyak sekali terdapat dalam bahan kursus ini. Ini termasuklah:

- ▲ menganalisa cerita, dilema atau situasi
- ▲ merekodkan cerita peribadi
- ▲ menyediakan bahan untuk wawancara dan penulisan untuk wawancara
- ▲ menulis laporan tentang penyelidikan
- ▲ melakarkan pelan untuk menangani masalah
- ▲ menulis cerita atau cerita bersejarah
- ▲ menulis karangan mengenai sesuatu tema, konsep atau idea yang timbul daripada kursus

## 7. Penulisan reflektif

- ▲ mendokumentasikan maklumat dan pengalaman pelajar itu sendiri
- ▲ menulis kertas kerja mengenai kedudukan suatu subjek bagi tujuan perbincangan dalam kumpulan atau dunia
- ▲ mengumpul-siarkan buletin EHL

Sebahagian daripada penulisan itu akan dihantar ke laman web EHL, di mana para pelajar dapat berkomunikasi dengan para pelajar lain di seluruh dunia mengenai perspektif dan idea mereka.

### **Bersedia untuk bermula**

Sebelum sesuatu perbincangan dimulakan, minta pelajar menulis tentang pemikiran mereka mengenai suatu gambar, video, soalan atau isu. Mereka boleh mencatatkan perkataan, sekelompok perkataan atau menulis di dalam ayat yang penuh. Tujuannya ialah untuk mendokumentasikan fikiran mereka di dalam bentuk tulisan.

### **Mengetuai kumpulan**

- ▲ Nyatakan dengan jelas apa yang perlu ditulis oleh pelajar dan bagaimana maklumat itu boleh digunakan.
- ▲ Nyatakan berapa lamakah masa yang diperuntukkan bagi aktiviti penulisan tersebut.
- ▲ Jika alat bantu pandang dengar telah digunakan untuk merangsang penulisan, lekatkan atau edarkan salinannya supaya pelajar boleh melihatnya pada bila-bila masa.
- ▲ Sekiranya suatu soalan telah digunakan, tuliskannya di atas papan tanda.
- ▲ Pelajar yang lebih dewasa boleh diberikan soalan yang berbentuk terbuka.
- ▲ Pelajar yang muda boleh diberikan sebahagian ayat untuk diselesaikan, contohnya, "Gambar ini membuatkan saya berfikir ...".

### **Menangani masalah**

Sekiranya pelajar menghadapi masalah dalam penulisan, mereka boleh meluahkan idea mereka dalam bentuk yang lain, seperti dalam bentuk lakaran. Mereka boleh menerangkan lakaran mereka itu, dan anda boleh membantu mereka menyatakan idea mereka dalam penulisan mereka.

### **Menilai pembelajaran**

- Bagaimanakah penulisan boleh menyokong matlamat aktiviti tersebut?
- Bagaimanakah pelajar berupaya untuk menggunakan penulisan bagi meluahkan idea mereka?
- Bagaimanakah pelajar boleh menukarkan idea daripada jurnal EHL kepada projek penyelidikan atau tindakan?

## 8. Wawancara

### Nota kepada guru

#### 8. Wawancara

Mengundang seseorang untuk bercakap mengenai pengalaman mereka akan memberi para pelajar peluang untuk bertanya soalan dan mendengar cerita peperangan terus daripada mereka yang mengalaminya. Guru atau pelajar boleh mengenal pasti orang yang paling sesuai untuk bercakap dalam kelas semasa penerokaan mengenai peraturan asas IHL. Orang itu boleh terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dalam peperangan, seperti seorang veteran, petugas kemanusiaan, orang awam atau wartawan. Para pelajar juga boleh melakukan wawancara dengan seseorang yang berada di luar kelas. Jenis soalan dan objektifnya adalah berbeza bergantung kepada orang yang diwawancara.

#### Objektif

- ▲ untuk mengumpulkan maklumat mengenai laporan daripada orang yang mengalami situasi itu
- ▲ untuk membina kemahiran mewawancara

#### Bersedia untuk bermula

- ▲ Bincang dengan para pelajar siapakah yang mereka ingin mewawancara.
- ▲ Sediakan maklumat mengenai siapakah pelawat tersebut kepada kumpulan itu dan kepakaran atau pengalaman yang akan dikongsi bersama oleh pelawat itu.
- ▲ Gunakan sesi sumbangsaran bagi membolehkan kumpulan itu merumuskan soalan kepada pelawat tersebut. Buatlah suatu senarai berikut. Contoh soalan:
  - Adakah anda ketahui contoh lain mengenai orang yang melakukan tindakan kemanusiaan?
  - Adakah anda mengenali orang lain yang telah diselamatkan?
  - Apakah jenis latihan yang telah diberikan kepada anda (atau anda yang telah berikan) tentang bagaimana askar harus berkelakuan dalam situasi keganasan?
  - Apakah sebabnya askar berkelakuan dengan berperikemanusiaan? Atau tidak berperikemanusiaan?
  - Bahagian manakah paling sukar dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan?
  - Apakah dilema yang anda dan orang lain hadapi?

Minta kumpulan itu memilih semua soalan yang mereka hendak kemukakan, dan minta setiap pelajar memilih dan menulis soalan tertentu yang mereka ingin tanya. Para pelajar yang akan mewawancara dengan sendiri di luar kelas perlu menyediakan suatu senarai soalan bagi membantu mereka mendapatkan cerita dan memperoleh implikasi perihal kemanusiaan.



## 8. Wawancara

### Mengetuai kumpulan

- ⤴ Lantik salah seorang daripada ahli dalam kumpulan tersebut sebagai hos untuk menyambut dan memperkenalkan pelawat tersebut.
- ⤴ Sediakan konteks dan peruntuk masa bagi wawancara tersebut, dan berikan garis panduan yang perlu diikuti.
- ⤴ Minta pelajar untuk menanyakan soalan yang telah mereka sediakan.
- ⤴ Memperincikan sesi soal jawab bila perlu.
- ⤴ Lantik salah seorang daripada ahli dalam kumpulan tersebut untuk mengucapkan terima kasih kepada pelawat itu pada akhir sesi.

### Menangani masalah

- ⤴ Pelawat tersebut mungkin berucap terlalu lama. Ucapannya mungkin tersasar daripada subjek yang sebenar. Sekiranya ini berlaku, fokus semula pertuturannya ke arah subjek yang sebenar. Atau cadangkan supaya pelawat tersebut menjawab soalan yang dikemukakan oleh para pelajar.
- ⤴ Para pelajar yang mewawancara tetamu mungkin memerlukan bantuan anda dalam membina soalan yang bersesuaian.

### Menilai pembelajaran

- ⤴ Selepas sesi tamat, minta pelajar menulis apa yang telah mereka pelajari daripada pelawat tersebut dan bagaimana ia berhubung dengan topik tertentu yang telah mereka pelajari dan bagi IHL secara amnya.
- ⤴ Kumpulan itu boleh berbincang sama ada pada fikiran mereka wawancara tersebut dikendalikan dengan baik dan apakah kelainan yang akan mereka lakukan pada wawancara yang akan datang.
- ⤴ Individu yang mewawancara rakan atau ahli keluarga mengenai peperangan atau perspektif kemanusiaan, boleh berkongsi maklumat dengan pelajar lain dalam kelas.

## Nota kepada guru

### 9. Kumpulan kecil

Tugas kemanusiaan boleh dimulakan oleh seorang individu, tetapi kejayaan yang berterusan selalunya memerlukan kerjasama berkumpulan. Menggunakan kumpulan kecil boleh membantu para pelajar berkongsi idea dan membina kemahiran. Tugas dalam kumpulan kecil ini adalah digalakkan di sepanjang bahan ini. Anda boleh menggunakan kumpulan yang sama di sepanjang suatu siri aktiviti atau mengubah ahli kumpulan daripada satu siri aktiviti kepada satu yang lain.

Kejayaan sesuatu tugas dalam kumpulan kecil bergantung kepada 3 elemen:

- ▲ maklumat yang jelas mengenai tugas
- ▲ masa yang diberikan
- ▲ pembentangan yang imaginatif dan efektif bagi kumpulan yang lebih besar

#### Objektif

- ▲ untuk melibatkan setiap pelajar di dalam perbincangan dan penyelesaian masalah
- ▲ untuk mengasah kemahiran kepimpinan dan bekerjasama

Dengan bekerja dalam kumpulan kecil, para pelajar boleh:

- ▲ berlatih kemahiran komunikasi, lisan dan penulisan dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah
- ▲ menjalankan tugas kepimpinan dan tanggungjawab
- ▲ melaporkan atau mengedarkan maklumat
- ▲ lebih cenderung melibatkan diri secara lebih aktif daripada yang sepatutnya jika mereka lakukan dalam kumpulan yang lebih besar
- ▲ berkongsi dan mengembangkan idea, memperolehi idea baru dan membuat keputusan
- ▲ mendapatkan pengalaman melalui kerjasama berkumpulan
- ▲ peka terhadap maklumat baru

#### Bersedia untuk bermula

- ▲ Minta para pelajar menulis idea mereka terlebih dahulu sebelum berkongsi dengan kumpulannya. Ini dapat membantu para pelajar untuk merumuskan idea mereka sebelum mendengar idea daripada mereka yang lain.
- ▲ Tentukan saiz dan jenis kumpulan yang diperlukan yang berkaitan dengan objektif aktiviti.
- ▲ Minta para pelajar untuk bekerja secara berpasangan bagi tujuan bertukar pengalaman peribadi mereka (sebahagiannya boleh dikongsi bersama dengan seluruh kumpulan dan sebahagiannya hanya dengan seorang pelajar yang lain), membandingkan perspektif individu atau bersetuju dengan suatu pandangan atau suatu tindakan.
- ▲ Gunakan kumpulan yang kecil iaitu terdiri daripada tiga atau lima pelajar apabila anda hendak memberikan setiap pelajar peluang untuk memberi pandangan mereka terhadap sesuatu isu.
- ▲ Bahagikan pelajar dalam kumpulan mengikut kriteria yang berbeza, bergantung kepada tujuan anda: mengikut tahap kemampuan, melalui pengalaman-pengalaman yang telah mereka berikan dalam aktiviti yang tertentu, mengikut umur, jantina, sama ada mereka duduk berdekatan antara satu sama lain, mengikut kebolehan mereka, dsbnya. Dalam kumpulan yang homogen, para pelajar boleh bekerja pada tahap yang sama, iaitu lebih

## 9. Kumpulan kecil

pantas atau lebih perlahan daripada kumpulan yang lain. Dalam kumpulan yang heterogen, sebahagian pelajar boleh memegang peranan sebagai pemimpin atau pelatih, manakala mereka yang lain boleh dimotivasikan dengan berinteraksi dengan rakan setugas mereka yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang berbeza-beza.

### Mengetuai kumpulan

- ▲ Nyatakan tugas dan keputusan yang dijangkakan dengan jelas.
- ▲ Mengenal pasti dan menyediakan sumber yang diperlukan bagi tugas tersebut.
- ▲ Tetapkan had masa bagi tugas tersebut.
- ▲ Minta pelajar mengagihkan tanggungjawab sesama sendiri dalam kumpulan: orang tengah, pencatat nota, wartawan.
- ▲ Terangkan tugas orang tengah, pencatat nota dan wartawan, dan berikan sokongan kepada para pelajar yang akan melaksanakan peranan tersebut.
- ▲ Tentukan format bagi melaporkan tugas oleh sesuatu kumpulan: pembentangan secara lisan, lakaran, gambar rajah, rangka kaku, drama, dsb.
- ▲ Edarkan, tanya soalan dan semak perkembangan kumpulan tersebut. (Berhati-hati supaya anda tidak mengambil alih tugas kumpulan tersebut)

### Menangani masalah

- ▲ Sekiranya para pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap tugas mereka atau tidak memahami arahan, nyatakan semula tugas tersebut atau minta seorang pelajar untuk melakukannya; anda juga boleh mengajukan arahan tersebut.
- ▲ Jika ahli dalam sesuatu kumpulan itu tidak boleh mencapai kata sepakat tentang perkara yang tidak dipersetujui, anda perlu bekerja dengan kumpulan tersebut bagi mendapatkan suatu persetujuan atau minta ahli dalam kumpulan tersebut untuk membentangkan pandangan yang berbeza-beza itu dan terangkan bagaimana mereka merancang untuk meneruskan tugas di masa akan datang.
- ▲ Sekiranya terdapat ahli yang cuba mendominasi sesuatu kumpulan, ulangi tujuan bekerja dalam kumpulan kecil dan kepentingan setiap ahli menyelesaikan tugas yang telah diberikan.
- ▲ Pembentangan secara berkumpulan mungkin berulang isi kandungannya. Sekiranya ini berlaku, minta hanya satu kumpulan melakukan pembentangan sepenuhnya dan minta yang lain menambahkan apa yang tidak dinyatakan.

### Menilai pembelajaran

- Adakah pelajar boleh bekerjasama dengan baik sesama mereka dan dapat menyiapkan tugas?
- Apa kemahiran yang telah diperlihatkan oleh pelajar?
- Apakah kemahiran keahlian berkumpulan yang perlu dilatih oleh pelajar?
- Apakah kelainan yang akan anda tunjukkan di masa hadapan?
- Bagaimanakah interaksi di antara kumpulan kecil menyumbang kepada pemahaman pelajar mengenai isi kandungan tersebut?

## 10. Pengumpulan cerita dan berita

### Nota kepada guru

#### 10. Pengumpulan cerita dan berita

Di dalam penerokaan mengenai IHL, berikan galakan kepada pelajar untuk menggunakan bahan yang bukan sahaja daripada kurikulum ini, tetapi juga daripada sumber yang berada di luar kelas. Sumber yang boleh didapati termasuklah laporan media, buku, pengalaman yang boleh dikenang kembali oleh keluarga mereka dan ahli masyarakat dan cerita daripada tradisi mereka. Bahan ini boleh diintegrasikan ke dalam program tersebut.

#### Objektif

- ▲ untuk menimbulkan kesedaran tentang tindakan kemanusiaan di masa yang lalu dan masa sekarang di seluruh dunia
- ▲ untuk menggalakkan pelajar untuk mengetahui peristiwa dan isu yang melibatkan IHL dan tindakan kemanusiaan.
- ▲ untuk menggalakkan pelajar untuk mendokumentasikan maklumat pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL.

#### Bersedia untuk bermula

Sesi terakhir bahan kursus bagi setiap modul ini terdapat suatu “Helaian Media”. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai perspektif kemanusiaan dan IHL dan juga kenapa wujudnya IHL di seluruh dunia. Sebagai contoh, dalam Modul 1, pelajar telah diminta untuk mewawancara rakan dan keluarga tentang cerita tindakan kemanusiaan dan untuk mendapatkan cerita yang sebegitu dari akhbar, radio, TV atau buku. Berikan kepastian kepada pelajar bahawa bagi cerita tersebut, nama mereka tidak akan disiarkan atau cerita mereka akan menjadi hak milik mereka sekiranya mereka mahu.

Modul yang kemudiannya menggalakkan pelajar untuk mengumpul cerita dan maklumat daripada laporan media, risalah dan sumber yang lain, seperti berwawancara dengan orang yang pernah berada dalam tentera atau melibatkan diri dalam tindakan kemanusiaan.

#### Mengetuai kumpulan

- ▲ Setiap kali anda memberikan pelajar suatu tugas penyelidikan, kumpul dan gunakan cerita, laporan atau maklumat yang telah mereka bina. Contohnya, pembentangan oleh rakan sekelas boleh memotivasikan mereka yang belum menyumbang dan ini memberi mereka idea untuk mencari contoh.
- ▲ Gunakan bahan yang dikumpul oleh pelajar dalam pelbagai cara, seperti menayangkan kepada umum, buatkan dalam bentuk buku skrap atau minta mereka melakukan pembentangan lisan.
- ▲ Cerita tindakan kemanusiaan yang diberi oleh pelajar boleh digunakan sebagai sebahagian daripada kandungan bagi kursus. Pilih satu cerita untuk dibentangkan secara ringkas pada setiap hari di awal permulaan sesi.

## 10. Pengumpulan cerita dan berita

- ▲ Gunakan satu atau lebih cerita yang dikumpul oleh pelajar untuk menerangkan suatu topik bagi suatu aktiviti yang tertentu. Sebagai contoh, suatu laporan berita mengenai seseorang yang melindungi orang yang dipaksa berpindah atau pelarian, boleh diguna untuk dikaitkan dengan suatu aktiviti daripada Modul 5. Di dalam Modul 2, seorang pelajar mungkin akan membentangkan suatu koleksi askar mengenai bagaimana peraturan tentang peperangan telah diajar kepada mereka semasa latihan asas. Yang lainnya mungkin mempunyai keratan berita mengenai bagaimana usaha telah dilakukan untuk membawa penjenayah peperangan ke muka pengadilan. Contoh sebegini boleh menyumbang lebih banyak penghargaan dan pemahaman bagaimana IHL boleh memberi kesan kepada kehidupan manusia.
- ▲ Gunakan bahan yang dikumpul oleh pelajar sebagai suatu sumber melakukan drama atau perbincangan mengenai dilema.

### Menangani masalah

Sekiranya pelajar telah mengumpul cerita yang bukannya contoh tindakan kemanusiaan, gunakan cerita itu untuk meneroka semula apakah jenis tindakan tersebut. Ulangi ciri-ciri tindakan kemanusiaan yang telah ditekankan di dalam program tersebut.

### Menilai pembelajaran

- Apakah yang dapat ditunjukkan dalam kisah daripada pelajar mengenai pemahaman mereka tentang konsep IHL?
- Dari segi apakah kisah yang dibentangkan menunjukkan peningkatan kemahiran mewawancara pelajar?

## Bengkel

Bengkel memperkenalkan aktiviti dan konsep utama yang terdapat di dalam bahan-bahan *Meneroka undang-undang kemanusiaan* (EHL) dan mengenal pasti strategi kritikal untuk digunakan semasa mengajarnya. Walaupun bengkel mungkin mempunyai fasilitator keseluruhan, bengkel secara individu dikendalikan oleh guru yang menjadi peserta. Secara individu atau secara berkumpulan, gurulah yang mengetuai tiap-tiap bengkel. Tiap-tiap bengkel disusun dalam enam bahagian:

- ▲ **Objektif**, yang memfokuskan kepada tujuan bengkel
- ▲ **Pemahaman bahan EHL**, guru berpeluang untuk meneroka bahan EHL secara mendalam seperti pelajar
- ▲ **Merasai pengalaman dalam kelas**, guru menonton klip video yang disediakan oleh guru atau moderator lain dengan menggunakan bahan yang baru sahaja mereka sediakan
- ▲ **Aplikasi kepada pengajaran anda**, peserta akan merangka rancangan mereka sendiri mengajar bahan-bahan yang baru mereka gunakan
- ▲ **Menilai pembelajaran**, guru dan ketua perbincangan mewujudkan pendekatan untuk menilai apa yang mereka dan pelajar mereka telah pelajari daripada EHL
- ▲ **Membuat persediaan untuk bengkel seterusnya**, para guru bagi bengkel itu ditugaskan dan bahan bacaan diberikan.  
[Bengkel 5 menghendaki persediaan terlebih dahulu untuk menjemput seseorang yang berpengalaman mengajar undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL). Selepas menonton, bersama peserta lain, video yang menunjukkan para pelajar mencadangkan peraturan, peranan pelawat itu ialah untuk membentangkan IHL dan kemudian bersama-sama peserta membincangkan soalan mengenai cara mengajar IHL kepada golongan muda.]

Bengkel ini boleh dianjurkan sebagai latihan semasa cuti bagi para guru satu atau dua minggu dari wilayah atau kawasan tertentu sesebuah negara atau daripada beberapa buah negara. Secara alternatif, guru daripada sebuah sekolah atau lebih boleh datang bersama-sama ke bengkel itu setiap selang seminggu semasa tahun persekolahan itu pada waktu tengah hari atau hujung minggu. Walaupun belajar secara bersama dengan rakan sekerja merupakan cara yang paling optimum untuk belajar, guru juga boleh menggunakan panduan ini secara individu.

Bagi tempoh latihan selama seminggu, tiap-tiap bengkel direka untuk tempoh masa tiga jam. (Bagi tempoh masa dua minggu, bengkel boleh diadakan sekali setiap hari, membolehkan baki masa pada hari itu digunakan untuk peserta membiasakan diri dengan bahan kursus.) Dua jam pertama bagi setiap bengkel digunakan untuk memahami bahan EHL dan strategi mengajar dan untuk merasai “pengalaman dalam kelas” melalui video yang digunakan. Jam yang ketiga pula ialah untuk guru merangka bagaimana mengguna pakai program kepada para pelajar mereka sendiri dan bagaimana menilai pemahaman mereka.

## Sukatan pelajaran bengkel pendidikan guru

Bengkel 1. Memperkenalkan *Meneroka undang-undang kemanusiaan* (EHL) kepada pelajar

Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 2: Mengenai sumbangsaran

Nota kepada guru 3: Mengenai “tiada jawapan mudah”

Video dan transkrip: “Mengetuai perbincangan: Penerokaan Pengenalan” (4:00)

Bengkel 2. Main Peranan: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi? (“Langkah demi langkah”)

Penerokaan 1B: Melihat tindakan kemanusiaan (“Suara peperangan – 1”)

Nota kepada guru 5: Mengenai main peranan

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

Video dan transkrip: “Menganjur respons para pelajar: Melihat tindakan kemanusiaan” (7:39)

Bengkel 3. Menangani dilema: Dilema penyaksi

Penerokaan 1C: Dilema penyaksi

Nota kepada guru 4: Mengenai penggunaan dilema

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

Bengkel 4. Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan (langkah 2, 3 dan 4)

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

Video dan transkrip: “Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia” (7:14)

Bengkel 5. Membina idea para pelajar: Asas undang-undang kemanusiaan antara-bangsa

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan (langkah 5 dan 6)

Nota kepada guru 8: Mengenai wawancara

Video dan transkrip: “Pandangan para pelajar: Apakah peraturan yang diperlukan semasa konflik bersenjata?” (5:06)

Bengkel 6. Menonton video: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak termasuklah

Kolaj foto 2C

Video dan transkrip kursus: “Saya tidak mahu kembali” (7:53)

Nota kepada guru 7: Mengenai penulisan reflektif

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

Video dan transkrip: “Menonton video: Persediaan dan perbincangan”

Bahagian I: Persediaan: Membincangkan apakah dia kanak-kanak (8:20)

Bahagian II: Membincangkan video “Saya tidak mahu kembali” (5:44)

Video dan transkrip: “Persembahan pelajar: Jika anda boleh bercakap kepada dunia” (6:39)

Bengkel 7. Menggunakan kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab? (langkah 2)

Kajian kes – My Lai, termasuklah

Video dan transkrip kursus: “Apa yang telah kami lakukan di My Lai?” (18:55)

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video



Bengkel 8. Kerja dalam kumpulan kecil: Menyahut cabaran akibat peperangan

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan (langkah 1, 2 dan 3), termasuklah

Video dan transkrip kursus: “Terpaksa keluar dari rumah” (3:55)

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan, termasuklah

Video dan transkrip kursus: “Cahaya dalam kegelapan” (5:02) dan “Apa yang diingati oleh seorang tahanan” (2:50)

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

Bengkel 9. Menggunakan pengalaman peribadi: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 7: Mengenai penulisan reflektif

Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan (langkah 1 dan 2)

Video dan transkrip: “Menggunakan pengalaman peribadi untuk memahami konsep: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan” (6:18)

Bengkel 10. Mengaplikasikan pembelajaran: Projek

Penerokaan Penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?, termasuklah

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasakan anggota

Video kursus: “Meneroka peperangan melalui drama” (4:00)

Video kursus “Periuk api terus membunuh” (8:18)

# 1. Memperkenalkan *Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan* kepada pelajar

Penerokaan pertama kepada pelajar dalam *Meneroka undang-undang kemanusiaan* (EHL) — ialah penerokaan pengenalan — yang membangkitkan soalan dan isu yang menjadi pusat program EHL. Dalam bentuk yang sama, bengkel ini direka untuk membangkitkan isu yang sama kepada para guru. Dalam kedua-dua kes tujuannya ialah untuk meneroka pandangan dan pendapat para peserta. Penerokaan pengenalan memberikan ruang untuk perbincangan terbuka. Tiada jawapan “yang betul” pada peringkat ini dan tiada sesiapa pun yang diharapkan untuk mengetahui sepenuhnya mata pelajaran ini.

## Objektif (10 minit)

Paparkan objektif dan agenda bengkel:

- ▲ untuk mempelajari bagaimana memperkenalkan program EHL kepada para pelajar
- ▲ untuk mewujudkan suatu pendekatan untuk mengajar mata pelajaran yang anda tahu sedikit sahaja mengenainya
- ▲ untuk meneroka soalan fakta dan etika mengenai IHL
- ▲ Untuk menjelaskan mekanisma “tiada jawapan mudah” untuk digunakan di sepanjang program EHL

## Memahami bahan EHL (60 minit)

### 1. Membaca dan memahami

Ambil masa beberapa minit untuk membaca sumber yang disenaraikan di bawah, yang akan digunakan semasa bengkel



Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 2: Mengenai sumbangsaran

Nota kepada guru 3: Mengenai “tiada jawapan mudah”

### 2. Menjalankan penerokaan

Tiap-tiap peserta guru perlu menjalankan sebahagian daripada perbincangan dengan menggunakan soalan yang berbeza.

### 3. Perbincangan

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian kongsi dengan rakan pasangan anda:

- ▶ Apakah isu yang menghasilkan perbincangan yang paling hebat?
- ▶ Apakah soalan yang boleh menghasilkan minat yang mendalam di kalangan pelajar anda?
- ▶ Apakah yang berjalan lancar semasa perbincangan soalan yang anda kemukakan? Apakah kesukaran yang anda hadapi?

## Mengalami pengalaman dalam kelas (60 minit)

### 1. Baca transkrip video.

### 2. Bincangkan soalan ini sebelum menonton:

- ▶ Apakah matlamat Penerokaan Pengenalan?

# 1. Memperkenalkan *Meneroka Undang-undang Kemanusiaan* kepada pelajar

3. Tonton video: “Mengetuai perbincangan: Penerokaan pengenalan” (Jamaica, pelajar berumur antara 14-15)



Guru menerangkan tujuan perbualan pengenalan. Menggunakan teknik sumbangsaran, para pelajar menghasilkan idea mengenai konflik bersenjata dan bagaimana para kombatan sepatutnya bertindak. Mereka membandingkan dengan pengalaman dalam negara mereka sendiri.

4. Bincangkan secara berpasangan:
  - Setakat manakah pada pendapat anda, matlamat Penerokaan Pengenalan telah berjaya dicapai?
  - Bagaimanakah guru itu menetapkan cara perbincangan? Apakah teknik perbincangan yang digunakannya?
  - Apakah yang nampaknya diketahui oleh para pelajar mengenai peperangan? Mengenai had kepada peperangan?
  - Bagaimanakah perbincangan oleh para pelajar dalam video jika dibandingkan dengan perbincangan dalam kelas anda sendiri?
5. Tonton video kali kedua.

## **Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Apakah masalah yang anda jangkakan dalam mengetuai perbincangan dengan menggunakan penerokaan ini?

Tuliskan suatu rangka pelajaran untuk mengajar “Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi”. Masukkan kaedah penilaian.

## **Menilai pembelajaran (20 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah yang anda harapkan untuk mengajar *Meneroka undang-undang kemanusiaan*?
- Apakah harapan anda?
- Apakah kebimbangan anda?
- Apakah soalan yang anda ada?

## **Persediaan bagi bengkel seterusnya**

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel yang seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persiapan anda.

## 2. Main peranan: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

### Objektif (10 minit)

Paparkan objektif dan agenda bengkel:

- ▲ untuk membuat latihan dan mengkaji penggunaan main peranan
- ▲ Untuk membiasakan diri dengan konsep penyaksi

### Memahami bahan EHL (100 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penerokaan 1B: Melihat tindakan kemanusiaan

Nota kepada guru 5: Mengenai main peranan

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

#### 2. Menjalankan penerokaan

Peserta yang dipilih akan menjalankan Penerokaan 1A dengan menggunakan aktiviti main peranan menurut turutan yang dicadangkan “Bagaimana tindakan yang meningkat membina kekuatan kemanusiaan” (boleh ditemui di akhir penerokaan). (30 minit)

#### 3. Perbincangan

Bincangkan sesi main peranan dengan menggunakan soalan yang dicadangkan untuk digunakan dengan para pelajar:

- Apakah pendapat anda mengenai pilihan yang anda buat sebagai watak anda? Kenapa?
- Apakah pendapat anda mengenai pilihan yang dibuat oleh setiap orang lain dalam kisah itu? Kenapa?

Sekarang bincangkan main peranan itu dari pendapat penonton:

- Bagaimanakah main peranan membantu anda untuk “memahami peranan” orang lain? Bagaimanakah ia boleh menjadi lebih efektif?
- Apakah isu yang telah ditimbulkan yang membuatkan anda berfikir mengenainya?
- Apakah beberapa perkara penting yang perlu dibincangkan selepas main peranan?
- Dalam cara apakah main peranan telah mendalamkan pemahaman anda mengenai sifat semula jadi tindakan kemanusiaan?

#### 4. Sekarang teruskan dengan Penerokaan 1B: Melihat tindakan kemanusiaan (40 minit)

## 2. Main peranan: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

### Mengalami pengalaman dalam kelas (30 minit)

1. Baca transkrip video dan renungkan soalan ini sebelum menonton:
  - Bagaimanakah para pelajar menunjukkan pemahaman mereka tentang perspektif kemanusiaan?
2. Tonton video: “Menyusun respons pelajar: Melihat tindakan kemanusiaan” (Maghribi, pelajar berumur antara 13-15)



Guru memperkenalkan konsep tindakan kemanusiaan dalam cara yang berstruktur. Dia menggunakan carta untuk mendapatkan anggapan umum dengan meminta para pelajar memberikan contoh tindakan kemanusiaan.

3. Bincang secara berpasangan:
  - Bagaimana para pelajar menunjukkan pemahaman mereka mengenai perspektif kemanusiaan?

### Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Bagaimanakah anda akan menjalankan aktiviti ini dengan para pelajar anda?
- Bagaimanakah anda akan menyediakan para pelajar dengan main peranan?
- Apakah isu yang mungkin timbul daripada para pelajar anda?

Tuliskan persediaan mengajar untuk mengajar penerokaan ini.

### Menilai pembelajaran (15 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dalam kumpulan kecil:

- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?
- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?

### Persediaan bagi bengkel seterusnya

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel yang seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

### 3. Menangani dilema: Dilema penyaksi

#### Objektif (10 minit)

Paparkan objektif dan agenda bengkel:

- ▲ untuk mempelajari bagaimana membimbing para pelajar untuk menangani dilema

#### Memahami bahan EHL (60 minit)

##### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 1C: Dilema penyaksi

Nota kepada guru 4: Mengenai penggunaan dilema

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

##### 2. Menjalankan penerokaan

Para peserta yang telah ditentukan akan menjalankan Penerokaan 1C.

##### 3. Perbincangan

Selepas aktiviti, ahli dalam kumpulan kecil akan melaporkan kepada semua kumpulan mengenai peranan mereka dan apakah yang penting untuk bekerja dalam kumpulan kecil.

Kenal pasti teknik tertentu dan langkah yang dikehendaki apabila menggunakan dilema.

#### Mengalami pengalaman dalam kelas (60 minit)

Sekarang kaji pengalaman menganalisa dilema dari perspektif anda sebagai guru.

- Bagaimanakah reaksi anda sebagai guru? Apakah perkara yang timbul semasa perbincangan?
- Bagaimanakah para pelajar anda akan bereaksi kepada penerokaan ini?
- Sejauh manakah keberkesanan empat langkah menangani dilema yang dijalankan oleh kumpulan?
- Apakah soalan yang anda ada mengenai menangani dilema dalam kelas anda?

#### Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Bagaimanakah anda akan menjalankan aktiviti ini dengan para pelajar anda? Apakah masalah yang anda jangkakan?
- Tuliskan rangka pelajaran untuk mengajar Penerokaan 1C. Masukkan kaedah penilaian.

### 3. Menangani dilema: Dilema penyaksi

#### Menilai pembelajaran (30 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?
- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?

#### Persediaan bagi bengkel seterusnya

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 4. Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia

### Objektif (10 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ▲ untuk menimbangkan bagaimana menggalakkan dan menggunakan penyertaan para pelajar dalam perbincangan
- ▲ untuk mengkaji kelebihan menggunakan gambar untuk menghasilkan idea dan pendapat

### Memahami bahan EHL (60 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

#### 2. Menjalankan penerokaan

Para peserta yang telah ditentukan akan mengedarkan gambar (bagi kedua-dua “Tawanan yang ditutup mata” dan “Perarakan tahanan”) dan menjalankan Penerokaan 2A, langkah 2, 3 dan 4.

#### 3. Perbincangan

Selepas aktiviti, bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Apakah reaksi anda terhadap gambar itu?
- Bagaimanakah gambar itu menyumbang kepada penyertaan anda?

### Mengalami pengalaman dalam kelas (60 minit)

#### 1. Baca transkrip video. Kemudian, pilih satu atau dua daripada soalan berikut sebagai fokus untuk menonton video:

- Bagaimanakah gambar itu menyumbang kepada penyertaan para pelajar?
- Bagaimanakah penulisan hasil renungan digunakan untuk menggalakkan penyertaan dalam perbincangan?
- Apakah peranan guru?
- Apakah strategi yang digunakan untuk menggalakkan pertukaran idea di kalangan pelajar?
- Adakah ketika yang guru boleh campur tangan tetapi tidak melakukannya?

#### 2. Tonton video: “Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia” (Afrika Selatan, pelajar berumur antara 16–17)

Guru menggunakan gambar orang tawanan yang ditutup matanya membantu pelajar untuk menghasilkan idea mengenai perlindungan maruah manusia semasa konflik bersenjata.





## 4. Menggunakan gambar untuk meneroka maruah manusia

3. Selepas menonton video, bincangkan dalam kumpulan kecil atau dalam kumpulan besar secara bersama:
  - Apakah reaksi anda terhadap video itu?
  - Dalam video itu, seorang pelajar bertanya soalan yang guru tidak mempunyai jawapan bagi soalan itu. Adakah anda fikir dia bertindak dengan betul dengan tidak menjawab? Kenapa atau kenapa tidak? Adakah apa-apa yang akan anda lakukan secara berlainan?

### **Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Bagaimanakah anda akan mengadaptasikan penerokaan ini bagi kegunaan dalam kumpulan anda sendiri.

Buat rancangan pengajaran bagi mengajar Penerokaan 2A.

### **Menilai pembelajaran (20 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah kaedah penilaian yang digunakan dan boleh digunakan dalam pelajaran ini?

### **Persediaan bagi bengkel seterusnya**

- ⤴ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel yang seterusnya.
- ⤴ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ⤴ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.
- ⤴ Bincang rancangan lawatan oleh pakar IHL bagi bengkel seterusnya dan pastikan pelawat itu faham akan peranannya semasa bengkel itu nanti.

## 5. Membina idea para pelajar: Asas undang undang kemanusiaan antarabangsa

### Objektif (10 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel bersama-sama:

- ▲ untuk mempelajari beberapa peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL)
- ▲ untuk memahami perbezaan antara hak asasi dan IHL
- ▲ untuk mengambil kira isu mengenai tanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan
- ▲ untuk menimbangakan bagaimana menyampaikan maklumat itu kepada para pelajar
- ▲ untuk mempelajari bagaimana menggunakan wawancara pelawat sebagai suatu teknik mengajar
- ▲ untuk meneroka bagaimana membina pengetahuan para pelajar, apabila memperkenalkan suatu topik baru

### Memahami bahan EHL (40 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Nota kepada guru 8: Mengenai wawancara

#### 2. Menjalankan penerokaan

Peserta yang telah ditetapkan akan menjalankan langkah 5 dan 6 bagi Penerokaan 2A.

### Mengalami pengalaman dalam kelas (70 minit)

1. Terangkan bahawa dalam persediaan untuk sesi ceramah oleh pelawat mengenai IHL dan hak asasi manusia, suatu video akan ditayangkan mengenai bagaimana para pelajar membuat peraturan mereka sendiri.
2. Semasa kehadiran pelawat, bacakan transkrip dan tonton video: "Pandangan para pelajar: Apakah peraturan yang dikehendaki semasa konflik bersenjata?" (Afrika Selatan, pelajar berumur antara 16-18)

Selepas melihat kolaj foto yang menunjukkan akibat selepas peperangan, para pelajar telah membuat peraturan yang mereka fikir perlu ada dalam sesuatu konflik bersenjata.



Minta pelawat itu bercakap mengenai IHL dan hak asasi manusia, dan terangkan bagaimana ia terpakai dalam konflik dan/atau situasi konflik.

4. Buka sesi perbincangan kepada soalan. Ambil kira kesukaran yang mungkin anda hadapi dalam menerangkan apa yang telah anda pelajari mengenai IHL kepada para pelajar. Kongsi semua ini dengan kumpulan anda dan pelawat IHL supaya anda dapat mencari penyelesaian bersama-sama.

## 5. Membina idea para pelajar: Asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa

### **Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dalam kumpulan kecil:

- Apakah tiga perkara yang paling penting yang anda mahu para pelajar faham mengenai IHL?

Lengkapkan rancangan pengajaran untuk mengajar Penerokaan 2A.

### **Menilai pembelajaran (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?

### **Persediaan bagi bengkel seterusnya**

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 6. Menonton video: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

### Objektif (5 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ✦ untuk meneroka dan menggunakan video sebagai suatu alat untuk menghasilkan perbincangan
- ✦ untuk membiasakan diri dengan bahan dan isu yang melibatkan penggunaan kanak-kanak sebagai askar

### Memahami bahan EHL (80 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

Nota kepada guru 7: Mengenai penulisan reflektif

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil

#### 2. Menjalankan penerokaan

Para peserta yang telah ditentukan akan menjalankan langkah 1-4 dalam Penerokaan 2C.



Tonton video kursus, “Saya tidak mahu kembali” dan kaji transkrip. Lakukan langkah 5 Penerokaan 2C.

#### 3. Perbincangan

Selepas aktiviti, bincangkan dalam kumpulan kecil:

- Adakah apa-apa isu tempatan yang melibatkan kanak-kanak dan keganasan yang mungkin digunakan dalam aktiviti ini?

#### 4. Kaji semula maklumat mengenai “Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak” dalam langkah 3. Bincangkan bagaimana untuk menyampaikan informasi ini kepada para pelajar.

### Mengalami pengalaman dalam kelas (60 minit)

#### 1. Baca transkrip video dan renung soalan ini dalam jurnal anda sebelum menonton video:

- Bagaimanakah guru membantu memahami keperluan kanak-kanak?
- Bagaimanakah pertimbangan mengenai persoalan “Siapakah kanak-kanak?” membantu perbincangan mengenai akibat menjadi askar kanak-kanak?

## 6. Menonton video: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

2. Tonton video: “Menonton video: Persediaan dan perbincangan” (Maghribi, pelajar berumur antara 13–15)



Bahagian I: Dalam persediaan untuk menonton “Saya tidak mahu kembali”, guru meminta para pelajar menimbangkan soalan berikut: Apakah dia kanak-kanak? Apakah keperluan kanak-kanak?

Bahagian II: Para pelajar memfokuskan kepada ciri-ciri yang berbeza dalam cerita ini dan melaporkan pandangan mereka mengenai kesan peperangan terhadap askar kanak-kanak dan peranan yang dimainkan oleh leftenan dan orang dewasa yang lain. Melalui perbincangan, guru membantu para pelajar membezakan antara perekrutan sukarela dan perekrutan secara paksa.

3. Perbincangan:

- Dalam cara apakah para pelajar mendemonstrasikan pemahaman mereka mengenai perbezaan antara perekrutan “secara paksa” dan “sukarela” dan kesannya terhadap setiap kanak-kanak?

4. Tonton video: “Persembahan Pelajar: Jika anda dapat bercakap kepada dunia”. (Afrika Selatan, pelajar berumur antara 16-18)



Guru memberi peluang kepada para pelajar untuk menyatakan reaksi mereka secara terbuka kepada umum mengenai masalah askar kanak-kanak. Video itu menunjukkan para pelajar membaca ucapan mereka.

### Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (20 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincang dengan pasangan anda:

- Bagaimanakah anda boleh mencungkil pengalaman para pelajar anda sendiri dan minat mereka untuk menambahkan pemahaman mereka mengenai isu EHL?

Buat rancangan pengajaran untuk mengajar Penerokaan 2C.

### Menilai pembelajaran (15 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dalam kumpulan kecil:

- Bagaimana para pelajar daripada kedua-dua kumpulan (di Maghribi dan Afrika Selatan) mendemonstrasikan pemahaman mereka tentang akibat menjadi askar kanak-kanak terhadap perkembangan kanak-kanak?
- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?

### Persediaan bagi bengkel seterusnya

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel yang seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 7. Menggunakan kajian kes: Apa yang telah kita lakukan di My Lai

### Objektif (5 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ▲ untuk mengkaji bagaimana melibatkan peserta dalam kajian kes
- ▲ untuk memberikan kesedaran tentang kemungkinan emosi yang boleh dibangkitkan oleh bahan sedemikian
- ▲ untuk memahami beberapa isu dan dilema yang terlibat dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL

### Memahami bahan EHL (145 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Nota kepada guru 6: Mengenai penggunaan cerita, gambar dan video

#### 2. Menjalankan penerokaan (95 minit)

Seorang peserta menjalankan Penerokaan 3C, langkah 2.

Peserta yang telah ditentukan menjalankan BAHAGIAN SATU “Kajian Kes — My Lai...”.



Baca transkrip dan tonton video kursus: “Apa yang telah kami lakukan di My Lai”.

#### 3. Perbincangan (10 minit)

- Apakah reaksi yang ditimbulkan oleh video itu terhadap anda?
- Apakah persoalan yang timbul bagi anda mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL?
- Bagaimanakah aktiviti ini membantu anda menangani soalan itu?
- Apakah cabaran yang boleh timbul apabila mengkaji bahan ini dengan pelajar?
- Apakah ketakutan anda dan harapan anda dalam menayangkan video ini kepada para pelajar?
- Bagaimanakah anda akan menguruskan reaksi emosi mereka?

#### 4. Menjalankan penerokaan (40 minit)

Peserta yang telah ditetapkan akan menjalankan BAHAGIAN DUA “Kajian Kes — My Lai ...”.

## 7. Menggunakan kajian kes: Apa yang telah kita lakukan di My Lai

### **Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (15 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dengan pasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Apakah penyesuaian yang akan anda buat semasa mengajar pelajaran ini?

Buat rancangan pengajaran untuk mengajar kajian kes.

### **Menilai pembelajaran (10 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?

### **Persediaan bagi bengkel seterusnya**

- ⤴ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel seterusnya.
- ⤴ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ⤴ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 8. Kerja dalam kumpulan kecil: Menyahut cabaran akibat peperangan

### Objektif (5 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ▲ untuk mengkaji apakah kegunaan kumpulan kecil sebagai suatu cara untuk meningkatkan penyertaan para pelajar
- ▲ untuk mengambil kira keseimbangan antara penyertaan guru dan pelajar dalam aktiviti
- ▲ untuk membiasakan diri dengan bahan mengenai akibat peperangan

### Memahami bahan EHL (15 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:

Penerokaan 5A: Keperluan yang timbul akibat kemusnahan peperangan

Penerokaan 5C: Fokus terhadap perlindungan tahanan

Nota kepada guru 9: Mengenai kumpulan kecil



#### 2. Menjalankan penerokaan

Peserta yang ditentukan menjalankan langkah 1-3 Penerokaan 5A. (60 minit)



Tonton video kursus: "Terpaksa keluar dari rumah".

Peserta lain yang telah ditentukan akan menjalankan langkah 1-3 Penerokaan 5C. (55 minit)

Tonton dan bincangkan video kursus "Cahaya dalam kegelapan".



Tonton dan bincangkan video daripada penghujung Penerokaan 5C: "Apa yang diingati seorang tahanan".

### Mengalami pengalaman dalam kelas (30 minit)

Bincangkan dalam kumpulan kecil, kemudian laporkan kepada kumpulan besar:

- Bagaimanakah para pelajar anda akan bereaksi terhadap Penerokaan 5A? Apakah kesukaran yang anda jangkakan dalam mengajar bahan ini?
- Bagaimanakah para pelajar anda akan bereaksi terhadap Penerokaan 5C? Apakah kesukaran yang anda jangkakan dalam mengajar bahan ini?

### Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (15 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dengan pasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Apakah kesukaran atau faedah yang anda jangkakan semasa bekerja dalam kumpulan kecil?

Buat rancangan pengajaran untuk mengajar Penerokaan 5A dan 5C.



## 8. Kerja dalam kumpulan kecil: Menyahut cabaran akibat peperangan

### Menilai pembelajaran (15 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?

### Persediaan bagi bengkel seterusnya

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 9. Menggunakan pengalaman peribadi: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan

### Objektif (10 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ✦ untuk mengkaji penggunaan pengalaman peribadi dalam mengajar konsep
- ✦ untuk mengambil maklum pelbagai strategi digunakan dalam mengajar satu aktiviti yang lengkap
- ✦ untuk memahami prinsip berkecuali dan kesaksamaan

### Memahami bahan EHL (60 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:



Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan

Nota kepada guru 1: Mengenai perbincangan

Nota kepada guru 7: Mengenai penulisan reflektif

#### 2. Menjalankan penerokaan

Minta peserta yang ditentukan menjalankan langkah 1-2 bagi Penerokaan 5E.

### Mengalami pengalaman dalam kelas (50 minit)

#### 1. Baca transkrip dan renungkan soalan di bawah sebelum menonton video. Bahagikan kepada dua kumpulan. Berikan setiap kumpulan salah satu daripada soalan berikut:

- Apakah strategi yang digunakan oleh guru untuk membantu para pelajar memahami konsep keneutralan dan kesaksamaan?
- Bagaimanakah para pelajar mendemonstrasikan pemahaman mereka mengenai konsep ini?

#### 2. Tonton video: "Menggunakan pengalaman peribadi untuk memahami konsep". (Afrika Selatan, pelajar berumur antara 14-15)



Guru meminta pelajar untuk mendefinisikan konsep dan kemudian menyebut definisi yang diberikan dalam bahan ini. Menggunakan senario, para pelajar mengenal pasti keadaan di mana konsep digunakan dan memberikan alasan bagi pilihan yang mereka buat. Para pelajar kemudiannya mendemonstrasikan pemahaman mereka mengenai konsep dengan menulis cerita ringkas daripada pengalaman mereka sendiri. Ambil maklum bagaimana pendekatan yang dibuat oleh guru terhadap konsep menggunakan beberapa teknik yang berbeza.

#### 3. Soalan selepas tontonan bagi perbincangan dalam seluruh kumpulan:

- Apakah strategi yang digunakan oleh guru untuk membantu para pelajar memahami konsep? Setakat manakah setiap satunya berjaya?
- Apakah bukti yang anda lihat daripada pemahaman para pelajar (atau kekurangan pemahaman) mengenai konsep itu?

## 9. Menggunakan pengalaman peribadi: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan

### **Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan dalam kumpulan kecil:

- Apakah strategi yang akan anda gunakan untuk memastikan para pelajar memahami dan boleh menggunakan prinsip keneutralan dan kesaksamaan?

Buat rancangan pengajaran untuk mengajar Penerokaan 5E.

### **Menilai pembelajaran (30 minit)**

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?

### **Persediaan bagi bengkel seterusnya**

- ▲ Tentukan peserta manakah yang akan menjalankan penerokaan dalam bengkel seterusnya.
- ▲ Dalam waktu anda sendiri, buat persediaan bagi bengkel seterusnya dengan membaca bahan EHL yang dicadangkan dan nota kepada para guru.
- ▲ Jika anda yang akan menjalankan sebahagian atau keseluruhan bengkel seterusnya, buat persediaan anda.

## 10. Mengaplikasikan pembelajaran: Projek

### Objektif (5 minit)

Kaji semula objektif dan agenda bengkel dengan semua peserta:

- ▲ untuk meneroka cara untuk membantu para pelajar dengan projek EHL
- ▲ untuk menilai keberkesanan bengkel ini

### Memahami bahan EHL (60 minit)

#### 1. Membaca dan memahami

Sebelum bengkel, setiap orang sepatutnya telah membaca penerokaan dan catatan yang telah disenaraikan di bawah. Ambil masa beberapa minit untuk mengkaji semula sumber ini bersama-sama:

Penerokaan Penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasakan anggota

[Bagi melengkapkan tontonan semua video kursus, pada bila-bila masa semasa bengkel ini, tayangkan video kursus “Periuk api terus membunuh”, daripada Penerokaan 2D.]



#### 2. Menjalankan penerokaan



Peserta yang ditentukan menjalankan “Penerokaan penutup” termasuk video “Meneroka peperangan melalui drama”.

#### 3. Perbincangan

Selepas penerokaan, bentukkan kumpulan kecil mengikut sekolah, kawasan, atau negara. Buat sumbangsaran:

- Jenis projek yang mungkin sesuai kepada para pelajar anda
- Cara untuk bergabung dengan guru/sekolah lain bagi projek mendekati masyarakat

### Aplikasi kepada pengajaran anda sendiri (30 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil:

- Dalam aspek manakah bagi suatu projek yang pelajar saya mungkin memerlukan bantuan?

Buat rancangan pengajaran tentang bagaimana anda akan menggunakan penerokaan ini.

### Menilai pembelajaran anda sendiri (25 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada bengkel ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah teknik penilaian yang boleh digunakan dalam projek?

## 10. Mengaplikasikan pembelajaran: Projek

### Menilai bengkel (60 minit)

Tuliskan jawapan kepada soalan yang sama yang telah anda tulis semasa bengkel pertama:

- Apakah jangkaan anda dalam mengajar *Meneroka undang-undang kemanusiaan*?
- Apakah harapan anda?
- Apakah kebimbangan anda?
- Apakah soalan yang masih belum terjawab?

Kemudian kembali kepada pandangan yang telah anda tulis sebelum ini. Bandingkan pandangan anda dan bincangkan:

- Berapa tepatkah jangkaan saya?
- Apakah yang boleh saya lakukan untuk menangani soalan selanjutnya?
- Apakah yang telah saya pelajari daripada bengkel guru?
- Apakah yang tertinggal? Apakah saranan saya untuk meningkatkan/memperbaiki pandangan?

### Menilai pembelajaran (25 minit)

Tuliskan dalam jurnal anda, kemudian bincangkan secara berpasangan:

- Apakah yang telah anda pelajari daripada kandungan dan kaedah-kaedah sesi ini?
- Apakah soalan yang anda ada?
- Apakah teknik penilaian yang digunakan atau boleh digunakan dalam pelajaran ini?
- Apakah yang anda telah pelajari daripada bengkel ini?

## Transkrip

### MENGETUAI PERBINCANGAN: PENEROKAAN PENGENALAN

#### IMEJ PEPERANGAN

- Guru: Kami berminat tentang idea anda, pemikiran anda – apa yang anda ketahui dan apa yang anda tidak ketahui, apa yang telah anda dengari dan apa yang anda ingin tahu. Apakah perkataan yang timbul dalam minda anda apabila anda memikirkan tentang peperangan? Apakah yang anda lihat, atau rasa atau dengar? Ya.
- Pelajar lelaki: Kemusnahan.
- Guru: Kemusnahan. Ya?
- Pelajar perempuan: Bahaya.
- Guru: Bahaya.
- Pelajar perempuan: Keganasan.
- Guru: Bahaya, keganasan. Ya, di belakang sana.
- Pelajar perempuan: Pergaduhan.
- Guru: Pergaduhan.
- Pelajar perempuan: Kematian.
- Guru: Pergaduhan dan kematian.

#### HAD PEPERANGAN

- Guru: Adakah anda fikir yang semasa peperangan, perlu ada peraturan tentang bagaimana sesuatu peperangan itu harus dilaksanakan, atau apa yang patut berlaku dalam sesuatu peperangan?
- Pelajar lelaki: Dua orang yang sedang bergaduh, mereka sepatutnya pergi ke suatu tempat di mana tidak ada orang di situ, Cik, supaya mereka tidak akan — apabila mereka sedang bergaduh — mereka tidak akan menggunakan apa-apa senjata, mereka tidak akan mencederakan sesiapa di dalam pergaduhan mereka itu.
- Pelajar perempuan: Saya rasakan sepatutnya terdapat peraturan kerana apabila dua buah negara atau dua orang mempunyai konflik atau sesuatu, mungkin mereka akan mencederakan orang yang tidak bersalah, oleh itu saya fikir perlu ada peraturan untuk negara, seperti tidak dibenarkan pergi ke sesuatu tempat dengan sesuka hati.
- Pelajar lelaki: Pertama sekali, tidak sepatutnya terdapat sebarang peperangan di antara mana-mana negara atau manusia. Kita seharusnya hidup dengan aman damai seperti yang dikehendaki oleh Tuhan. Oleh itu, tidak sepatutnya ada sebarang peperangan, dan oleh yang demikian tidak ada peraturan yang perlu dilibatkan.

### SEKIRANYA ANDA SEORANG GURU, APAKAH YANG AKAN ANDA LAKUKAN SEKARANG? SITUASI YANG SEAKAN SAMA DENGAN PEPERANGAN

- Pelajar perempuan: Cik, seperti apa yang telah dikatakan oleh Robert mengenai dua orang yang bergaduh dan mereka sepatutnya pergi ke tempat di mana tidak ada orang di sana. Cik, kadangkala apabila seseorang sedang menghadapi suatu konflik, dan mereka bergaduh, kadangkala kanak-kanak yang akan pergi kepada mereka dan cuba untuk meleraikan pergaduhan tersebut dan kanak-kanak itu tercedera. Oleh itu pergi ke suatu tempat di mana tidak ada orang di sana bukanlah suatu penyelesaian.
- Guru: Baiklah, adakah sesiapa di antara anda yang kenal seseorang yang pernah berada dalam peperangan, atau dalam situasi yang sama seperti dalam peperangan di mana terdapatnya konflik bersenjata?
- Pelajar lelaki: Saya ada seorang rakan yang pernah terlibat dalam peperangan yang kecil.
- Guru: Peperangan yang kecil, tetapi jika ia melibatkan senjata...
- Pelajar lelaki: Pistol dan pisau dan di mana mereka telah ditahan dan dibelasah. Mereka telah diberi amaran supaya tidak datang lagi ke kawasan tertentu kerana itu adalah kawasan kami, bukan kawasan mereka.
- Guru: Oh, macam suatu situasi berkumpulan.

## Transkrip video

- Pelajar lelaki: Ya, ya.
- Guru: Berlaku di sini di Jamaica?
- Pelajar lelaki: Berlaku di Jamaica.
- Guru: Orang Jamaica, adakah mereka mempunyai peraturan?
- Pelajar lelaki: Tidak, tidak ada peraturan di sini.
- Guru: Bukankah sepatutnya ada peraturan?
- Pelajar lelaki: Sesiapa yang hendak bergaduh, patut bergaduh bersendirian menentang sesiapa yang lain dalam peperangan supaya tidak ada orang yang akan tercedera. Jadi, sekiranya ada orang lain yang tercedera, mereka yang akan dipersalahkan.
- Pelajar perempuan: Kadangkala manusia bergaduh kerana perkara yang kecil — seperti mengambil satu dolar daripada seseorang, mereka akan bergaduh. Dan semasa pergaduhan, mereka tidak akan berhenti dan berkata "Kita tidak akan pergi ke sana, kita tidak akan pergi ke sini". Mereka akan terus bergaduh saja. Jadi saya tidak nampak perlunya ada peraturan.
- Pelajar perempuan: Cik, sepatutnya tidak ada pergaduhan langsung.
- Guru: Ya, baiklah, sepatutnya tidak ada pergaduhan langsung, tetapi adakah tidak ada pergaduhan langsung?
- Pelajar perempuan: Tidak.
- Guru: Itulah sebabnya kita akan mengkaji mengenai apa yang perlu kita lakukan terhadap perkara ini. OK?

## MENYUSUN JAWAPAN PARA PELAJAR: MELIHAT TINDAKAN KEMANUSIAAN

PARA PELAJAR MEMBINCANGKAN PETIKAN DARI “SUARA PEPERANGAN –1”  
JAWAPAN TELAH DISUSUN DI BAWAH TAJUK BERIKUT:

1. Siapakah yang telah membuat tindakan kemanusiaan untuk siapa?
2. Apakah yang telah disediakan oleh mereka?
3. Apakah kesukaran/tekanan yang dihadapi oleh mereka?

- Guru: Siapakah yang telah membuat tindakan kemanusiaan dan untuk siapa
- Pelajar perempuan: Seorang lelaki daripada pihak musuh yang telah melakukan tindakan kemanusiaan.
- Guru: Untuk siapa?
- Pelajar perempuan: Dia telah melakukan tindakan kemanusiaan itu untuk seorang tahanan.
- Guru: Apakah yang diberikan oleh pihak musuh kepada tahanan itu?
- Pelajar lelaki: Dia telah membekalkan makanan dan pakaian.
- Guru: Kita boleh katakan yang pihak musuh telah memberikan perlindungan dan keselamatan kepada tahanan itu.
- Apakah kesukaran dan tekanan yang dihadapi oleh seseorang yang telah menyediakan bantuan kepada pihak musuh?
- Pelajar perempuan: Pihak musuh melarang sama sekali orang-orangnya daripada membantu sesiapa daripada pihak yang lain. Oleh yang demikian, orang ini berada dalam bahaya.
- Guru: Jadinya, terdapat tekanan daripada orang lain. Tekanan daripada yang lain kerana mereka mungkin menyedari yang terdapatnya bantuan yang telah diberikan kepada pihak musuh. Jadi ada tekanan sosial. Juga, ada kebimbangan terhadap orang lain, tekanan sosial.
- Kepada siapakah tindakan kemanusiaan dibuat?
- Pelajar perempuan: Pihak musuh melakukan tindakan kemanusiaan kepada keluarga daripada pihak musuh/bertentangan.
- Guru: Jadi mereka ialah orang awam. Apakah yang telah diberikan kepada orang awam ini?
- Pelajar lelaki: Perlindungan.
- Guru: Jadi, sekali lagi perlindungan dan keselamatan sehingga bahaya telah tamat. Apakah jenis tekanan yang ada?
- Pelajar perempuan: Keinginan penduduk kampung ialah untuk membunuh dan mengusir keluarga ini keluar dari kampung.
- Guru: Jadi inilah tekanan, keluarga, dan ketakutan terhadap orang lain.
- Pelajar lelaki & Perempuan: Tekanan sosial.
- Guru: Sekarang kategori ketiga: peribadi, psikologi.

## SELEPAS MEMBINCANGKAN LAPAN “SUARA PEPERANGAN”, AHLI KUMPULAN MENYIMPULKAN CIRI TINDAKAN KEMANUSIAAN

- Guru: Sekarang setelah kita melihat semua kenyataan, kita akan membuat kesimpulan. Kita akan ada satu kesimpulan bagi setiap ruang. Jadi, ruang nombor satu.
- Pelajar perempuan: Ada orang yang melakukan tindakan kemanusiaan bagi pihak musuh.
- Guru: Tindakan ini datang daripada orang yang tidak kita jangkakan akan memberikan bantuan kepada kita. Jadi, ia daripada musuh kepada musuh. Maka, inilah ciri yang pertama. Inilah ciri tindakan kemanusiaan. Ia tidak sama seperti membantu seorang rakan atau abang atau ibu. Jadi, keluarga tidak termasuk dalam tindakan kemanusiaan.
- Ruang kedua.
- Pelajar lelaki: Walaupun ada layanan buruk, pihak musuh mungkin akan melakukan tindakan kemanusiaan kepada musuhnya bergantung kepada nilai akhlak dan moralnya.
- Pelajar perempuan: Tindakan itu boleh berbentuk material atau moral.
- Guru: Jadi, tindakan material atau moral ini diberikan? Sesuatu yang berhubung dengan kemanusiaan.



## Transkrip video

- Pelajar lelaki: Untuk membantu dan melindungi.
- Guru: Untuk melindungi siapa?
- Pelajar perempuan: Orang yang tidak bersalah.
- Guru: Ia mempunyai hubungan dengan kemanusiaan.
- Pelajar perempuan: Berkaitan dengan maruah manusia.
- Guru: Ini mempunyai hubungan dengan maruah manusia. Jadi tindakan kemanusiaan mempunyai ciri kedua — ia bertujuan melindungi maruah manusia. Sekarang, apakah tekanannya?
- Pelajar lelaki: Tekanan sosial dan psikologi.
- Guru: Apakah ciri-ciri tindakan kemanusiaan yang boleh kita simpulkan daripada tekanan sosial dan psikologi ini?
- Pelajar perempuan: Walaupun ada tekanan, sesetengah orang tetap memberikan bantuan kepada pihak musuh kerana nilai yang ada pada mereka tidak membenarkan mereka melihat orang lain menderita tanpa melakukan apa-apa.
- Pelajar lelaki: Pihak musuh memberikan bantuan kepada tahanan kerana keadaan dan situasi di mana pihak musuh merasa simpati melihat musuhnya.
- Guru: Sekarang mari kita buat kesimpulan.
- Pelajar perempuan: Melakukan tindakan kemanusiaan walaupun ada tekanan sosial dan psikologi.
- Guru: Jika ada tekanan sosial dan psikologi, apa akan terjadi kepada orang yang memberikan bantuan?
- Pelajar perempuan: Rintangan, halangan, dengan adanya rintangan, halangan, jadi terdapatnya risiko. Ya, ia meletakkan nyawa seseorang itu dalam risiko.
- Guru: Ia juga satu pengorbanan — pengorbanan oleh seorang kepada orang yang lain. Dan orang lain itu bukanlah ahli keluarga, dan juga bukan seorang kawan. Ia adalah pihak musuh. Jadi ini tidak dijangkakan. Oleh itu, terdapat tiga ciri-ciri tindakan kemanusiaan.

**MENGGUNAKAN GAMBAR UNTUK MENEROKA MARUAH MANUSIA**

[PARA PELAJAR TELAH MENULIS IDEA MEREKA SEBAGAI PERSEDIAAN BAGI PERBINCANGAN]

“BAGAIMANAKAH MARUAH TAWANAN BERADA DALAM RISIKO”

“BAGAIMANAKAH MARUAH ORANG YANG MENAWAN BERADA DALAM RISIKO”

Pelajar perempuan: Orang tawanan, terutamanya apabila dia telah memberikan maklumat, dia telah memusnahkan nyawanya dan dia menyesal dengan apa yang dia telah katakan dan dia telah merayu, dan apabila seseorang telah merayu tentu sesuatu akan terjadi dan anda mestilah melihat orang ini sebagai seorang manusia lain, oleh itu saya tidak akan membunuhnya, saya mesti menghormati nyawanya dan saya mesti menghormati maruahnyanya. Kerana akhirnya dia tetap akan jatuh dan akan mati dan dia sudah tidak ada apa-apa lagi.

Persoalan yang kedua ialah mengenai maruah orang yang menawan. Jika dia membunuh seorang tawanan dia akan melihat dirinya sebagai seorang pembunuh dan dia akan melihat dirinya sebagai seorang yang telah mengenyepikan kehidupan seseorang sedangkan dia masih ada kehidupan. Jika dia membunuh orang itu, maka, kehidupannya tidak sebaik sebagaimana kehidupannya sebelum dia membunuh orang itu.

Guru: Baiklah, sekarang, berikan justifikasi kepada saya mengenai aspek maruah orang yang menawan.

Pelajar perempuan: Sudah tentu, maruah manusia, tidak akan ada lagi pada orang itu, seperti dia melihat dirinya diselubungi awan hitam dan dia bukan lagi seorang manusia, dia seperti seorang pembunuh, mesin pembunuh, membunuh orang walaupun mereka tidak bersalah dan walaupun mereka merayu untuk hidup.

Guru: Ok.

Pelajar lelaki: Cikgu, maruah tawanan, saya rasa dia berada dalam bahaya, cikgu. Kerana dia boleh dijadikan hamba. Atau dia boleh dibunuh.

Guru: Bagaimana dengan maruah tawanan itu?

Pelajar lelaki: Tawanan.

Guru: Dalam bahaya.

Pelajar lelaki: Ya cikgu. Kerana dia mungkin akan dijadikan hamba dan sepatutnya dibunuh.

Guru: Ok, orang yang menawan?

Pelajar lelaki: Orang yang menawan, dia tersepit di antara dua dinding, cikgu.

Guru: Bagaimana pula?

Pelajar lelaki: Satu, cikgu, dia sepatutnya menurut arahan, dan satu lagi dari segi moral, cikgu. Iaitu tidak membunuh manusia dan sebagainya.

Guru: Ok, bagus.

Pelajar lelaki: Saya suka contoh itu (menunjuk ke arah gambar) — seorang kanak-kanak kulit hitam pergi ke sekolah pelajar berkulit putih dan berjumpa dengan orang kulit putih yang begitu menekan mereka. Jadi ini sama dengan contoh askar-askar yang ditawan oleh pihak musuh. Kerana orang yang menawan sama seperti pelajar kulit putih yang mendiskriminasikan pelajar kulit hitam itu kerana menjatuhkan maruahnyanya dan orang tawanan merasa rendah diri, mereka merasa seperti mereka tiada maruah lagi. Dan dengan menunjukkan seseorang tidak ada nilai kemanusiaan, anda tidak menghargai nyawa orang lain. Anda menunjukkan anda adalah haiwan, dan anda tidak mempunyai perasaan tentang apa yang orang lain rasakan.

Guru: Jadi jika anda tidak menghargai hak orang lain, anda juga tidak menghargai hak anda?

Pelajar lelaki: Betul, ya.

Pelajar perempuan: Maafkan saya tetapi saya tidak bersetuju dengan [pelajar sebelum ini], cikgu. Apabila dia berkata anda seorang manusia oleh itu anda mesti mempunyai nilai kemanusiaan. Maksud saya, menjadi seorang askar, anda tahu apa yang akan terjadi dan sebelum anda pergi berperang anda diajar yang anda akan membunuh. Jika anda tidak membunuh, anda mesti menakluki. Tujuannya ialah untuk menang dalam peperangan. Dan tujuannya ialah untuk menakluki. Kenapa anda perlu memikirkan tentang maruah manusia dan menyelamatkan nyawa seseorang? Kenapa anda hendak menjadi askar apabila anda tahu anda akan menyelamatkan nyawa? Jadilah doktor atau sesuatu yang lain.

(Ketawa)

## JIKA ANDA SEORANG GURU, APA YANG AKAN ANDA LAKUKAN SEKARANG?

- Guru: Bukankah askar juga manusia?
- Pelajar perempuan: Ya mereka juga manusia, tetapi mereka lupa akan segala maruah manusia. Mereka memberi fokus terhadap apa yang akan terjadi. Tembakan, letupan dan segalanya. Mereka menghadapi masa yang sukar. Bukan mudah untuk seorang manusia membunuh seorang yang lain. Memang bukan mudah. Tetapi apakah yang bermain dalam fikiran mereka, ia adalah sesuatu yang sukar. Sukar bagi mereka untuk berfikir bahawa saya akan membunuh seseorang. Mereka memang manusia tetapi mereka berhadapan dengan suatu situasi yang sukar. Jadi saya tidak rasa mereka ada masa untuk berfikir.
- Guru: Itulah apa yang akan terjadi dalam mana-mana situasi peperangan, tetapi ini tidak bermakna bahawa mungkin orang tidak sepatutnya ...
- Pelajar perempuan: Tetapi maksud saya ...
- Guru: Saya bukan tidak bersetuju dengan anda, saya terima pandangan anda — kadangkala dalam peperangan kita lupa semua ini. Kita lebih cenderung untuk fokus kepada bagaimana untuk hidup.
- Pelajar lelaki: Saya ingin membangkitkan bahawa, askar juga adalah manusia yang mempunyai hati nurani. Bagi mereka bukanlah kehendak mereka untuk membunuh, tetapi mereka dilatih untuk sentiasa melindungi negara mereka. Anda tidak pernah mendengar mengenai seorang askar yang masuk ke kawasan sekolah dan menembak semua orang. Mereka bukanlah semuanya mengenai keganasan semata-mata. Mereka juga manusia. Mereka berfikir sebelum mereka melakukan sesuatu. Mereka bukan hanya melakukan sesuatu tanpa berfikir atau merancang mengenainya. Jadi, sebelum menakluki sesuatu atau berbuat sesuatu mereka membuat perancangan dan berkata bahawa ia akan jadi seperti ini, dan begini, dan kami mengharapkan orang ini untuk selamat, dan orang ini pula sepatutnya mati. Jadi inilah apa yang saya ingin katakan kepada anda, walaupun doktor, sesetengah doktor tidak seberani yang kita sangkakan. Mereka juga seperti askar.
- Guru: Ok, sekarang kita berpindah kepada perkara lain, cepat ...
- Pelajar perempuan: Saya dengar apa yang telah dikatakan oleh [pelajar sebelum ini] tetapi saya ingin memberikan pendapat kedua mengenai apa yang telah dikata olehnya. Contohnya, seorang askar diarahkan untuk membunuh. Dan jika dia bertindak secara berkemanusiaan saya rasa orang tawanan itu yang akan berpaling tadah dan membunuhnya dan dia akan mati — askar itu. Dan askar itu hanya berfikir mengenai nyawanya, dan bukan nyawa orang tawanannya. Saya rasa dia akan membunuh dan dia terpaksa membunuh.
- Guru: Ok, bolehkah anda fikirkan tentang apa-apa undang-undang yang perlu ditetapkan bagi maksud peperangan?

**PANDANGAN PARA PELAJAR: APAKAH PERATURAN YANG  
DIPERLUKAN DALAM KONFLIK BERSENJATA?**

- Guru: Mari kita lakukan ini: bolehkah anda fikirkan apa-apa undang-undang yang dibuat bagi maksud peperangan. Jika anda boleh fikirkan tentang apa-apa undang-undang yang boleh diikuti bagi maksud peperangan, bolehkah anda tuliskan sekurang-kurangnya dua atau tiga di bahagian bawah lembaran kerja? Lembaran kerja anda ada di sini.
- Pelajar lelaki: Semasa peperangan askar yang tidak bersenjata tidak sepatutnya dibunuh. Jika seorang askar tidak membunuh seorang yang lain mereka tidak sepatutnya menembaknya.
- Guru: Ok.
- Pelajar perempuan: Biarkan orang tawanan hidup.
- Guru: Biarkan orang tawanan hidup?
- Pelajar perempuan: Orang awam mesti diselamatkan, dan askar yang kalah tidak sepatutnya dibunuh.
- Guru: Jadi mereka mesti diselamatkan?
- Pelajar lelaki: Peperangan perlu diberikan suatu jangka masa tertentu; sepatutnya terdapat suatu jangka masa bagi suatu peperangan. Sekiranya mereka terpaksa berperang, mereka seharusnya berperang mungkin selama enam bulan.
- Guru: Enam bulan?
- Pelajar lelaki: Kerana ekonomi akan terjejas semasa peperangan dan sebagainya.
- Guru: Jadi adakah anda mengatakan yang tidak seharusnya ada gangguan ekonomi?
- Pelajar lelaki: Ya.
- Pelajar lelaki: Hanya membunuh untuk mempertahankan diri sendiri?
- Guru: Hmm?
- Pelajar lelaki: Hanya membunuh untuk mempertahankan diri sendiri?
- Guru: Oh, apabila mempertahankan diri sendiri.
- Pelajar lelaki: Untuk mempertahankan diri sendiri.
- Guru: Membunuh hanya untuk mempertahankan diri sendiri.
- Pelajar lelaki: Ya.
- Pelajar perempuan: Hanya dengan pistol yang mempunyai peluru; senjata nuklear tidak boleh digunakan.
- Guru: Tiada senjata nuklear?
- Pelajar perempuan: Ya.
- Guru: Ini sungguh menarik sekali.
- Pelajar lelaki: Saya mencadangkan bahawa kem tahanan perlu disediakan untuk askar yang telah ditawan, daripada membunuh mereka, satu lagi pandangan ialah orang awam tidak boleh dibunuh. Mereka perlu diberi perlindungan dan disimpan di tempat yang selamat.
- Guru: Orang awam tidak harus dibunuh.
- Pelajar lelaki: Malah saya rasa orang yang telah menyediakan penjagaan dengan penuh kesabaran kepada orang yang tercedera seperti askar itu. Seperti, biar saya katakan, sebagai contoh, orang yang bertugas untuk Palang Merah, mereka sepatutnya dilindungi, mereka tidak seharusnya dibunuh kerana tujuan mereka bukan untuk berperang, bukan melakukan perkara yang lain tetapi hanyalah untuk membantu orang yang tercedera.
- Guru: Ok.
- Pelajar lelaki: Hanya askar-askar yang boleh terlibat dalam peperangan.
- Guru: Hanya askar-askar?
- Pelajar lelaki: Ya.

## Transkrip video

- Pelajar lelaki: Bom bawah tanah tidak sepatutnya digunakan kerana — tidak kesemuanya — seperti yang sepatutnya, akan meletup, dan sebahagiannya meletup dengan sendiri.
- Guru: Semua periuk api tidak boleh digunakan.
- Pelajar lelaki: Ya.
- Pelajar lelaki: Bezakan di antara objektif orang awam dan ketenteraan.
- Guru: Bezakan di antara alat pemasangan orang awam dengan alat pemasangan pihak tentera.
- Pelajar lelaki: Ya, kita perlu ingat yang kita adalah musuh, bukan rakan mereka.  
(ketawa)
- Guru: Ya, apa yang telah anda katakan?
- Pelajar lelaki: Peperangan seharusnya berlaku di suatu tempat yang khusus seperti, pergi ke kawasan gurun dan berperang di sana supaya anda dapat melindungi semua orang awam yang lain.
- Guru: Di kawasan gurun. Ok?
- Pelajar lelaki: Ya.
- Pelajar perempuan: Perlu ada perkhidmatan perubatan.
- Guru: Perkhidmatan perubatan? Dibenarkan dalam masa peperangan?
- Pelajar perempuan: Sekiranya tidak perlu, peperangan tidak seharusnya berlaku.
- Guru: Sekiranya tidak perlu? Kerana adanya peperangan yang diperlukan ... ok?
- Pelajar perempuan: Tempat yang berguna tidak sepatutnya dimusnahkan.
- Guru: Apa?
- Pelajar perempuan: Tempat yang berguna.
- Guru: Tempat yang berguna tidak sepatutnya?
- Pelajar perempuan: Dimusnahkan.
- Guru: Ya, dimusnahkan.
- Pelajar lelaki: Orang tawanan tidak sepatutnya dilayan dengan kasar.
- Guru: Orang tawanan tidak sepatutnya dilayan dengan kasar?
- Pelajar perempuan: Orang yang mempunyai keperluan khusus tidak sepatutnya dinafikan hak mereka.
- Guru: Keperluan khusus, seperti apa?
- Pelajar perempuan: Orang buta, orang pekak.
- Guru: Tidak boleh menafikan hak mereka, ok.
- Pelajar lelaki: Juga, askar mestilah ada bilangan tertentu orang yang hendak dibunuh.

**JIKA ANDA SEORANG GURU, APA YANG  
AKAN ANDA LAKUKAN SEKARANG?**

- Pelajar lelaki: Mereka mesti menghormati orang awam.
- Guru: Ok.
- Pelajar lelaki: Seperti yang anda tahu ramai orang suka apabila dikatakan sekolah dan gereja tidak sepatutnya dibom atau tidak patut diserang. Jadi saya ingin katakan bahawa perlunya ada peraturan bahawa, askar daripada pihak sebelah tidak sepatutnya menduduki gereja dan sekolah, apabila mereka tahu bahawa sekolah dan gereja tidak sepatutnya diserang. Jadi saya rasa mereka sepatutnya ada kem di tempat lain.
- Guru: Dengan perkataan lain, mereka sepatutnya menghormati harta awam.
- Pelajar lelaki: Ya.
- Pelajar perempuan: Askar mesti dilatih untuk berfikir sebelum mereka bertindak.
- Guru: Atau setiap askar hendaklah diajar IHL.
- Pelajar perempuan: Dalam peperangan sepatutnya jeneral berperang sesama mereka, dan askar pula hanya membantu mereka.

## MENONTON VIDEO: PERSEDIAAN DAN PERBINCANGAN

### BAHAGIAN SATU

#### PERSEDIAAN: PERBINCANGAN MENGENAI APA ITU KANAK-KANAK

- Guru: Soalan pertama, cuba kita bayangkan yang seorang polis memberhentikan anda dan berkata kepada anda: "Berikan saya kad pengenalan anda." Apa yang akan anda katakan?
- Pelajar lelaki: Pertama, saya akan bertanya kepada dia alasan kenapa dia mahukan kad pengenalan saya.
- Guru: Alasannya kerana anda berjalan pada waktu malam.
- Pelajar perempuan: Saya akan berkata, "Saya ada hak untuk berbuat demikian". Apa yang memberikan anda hak untuk meminta kad pengenalan saya?
- Guru: Polis itu mungkin berkata, "Untuk tujuan keselamatan, pemeriksaan biasa. Tolong berikan saya kad pengenalan anda." Anda ada kad pengenalan? Apa yang akan anda katakan?
- Pelajar\*: "Tidak, saya tidak ada kad pengenalan."
- Guru: Kenapa anda tidak ada kad pengenalan?
- Pelajar lelaki & Pelajar Perempuan: Saya belum cukup umur untuk mendapatkan kad pengenalan, saya seorang yang di bawah umur, saya seorang kanak-kanak. Sebab itulah saya tidak ada kad pengenalan.
- Guru: Jadi, siapakah kanak-kanak?
- Pelajar perempuan: Seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun, di bawah 18 tahun.
- Guru: Kanak-kanak ialah seseorang yang berumur di bawah 15 tahun. Remaja pula ialah seseorang yang berumur di bawah 20 tahun. Seorang dewasa ialah seseorang yang berumur 20 tahun atau lebih. Oleh itu, anda masih kanak-kanak.

#### APAKAH KEPERLUAN KANAK-KANAK?

#### PENGAJAR MENGGUNAKAN TIGA KATEGORI KEPERLUAN

Biologi                      Psikologi                      Sosial

- Guru: Soalan kedua ialah: "Apakah yang diperlukan oleh seseorang kanak-kanak, tiga perkara utama".
- Pelajar perempuan: Pakaian.
- Pelajar lelaki: Kesihatan.
- Pelajar perempuan: Pembentukan fizikal.
- Pelajar perempuan: Perkembangan biologi.
- Pelajar perempuan: Badan.
- Guru: Perkara lain yang berkenaan dengan perasaan?
- Pelajar perempuan: Penjagaan.
- Pelajar perempuan: Jadi, ada keperluan psikologi. Semua ini ialah ciri-ciri seorang kanak-kanak.
- Pelajar lelaki: Ciri-ciri sosial.
- Guru: Keperluan fizikal kanak-kanak.
- Pelajar perempuan: Seorang kanak-kanak perlukan makanan, pakaian, tempat berteduh dan perlindungan.
- Guru: Apakah yang diberikan kepada kanak-kanak dengan memenuhi keperluan-keperluan ini?
- Pelajar lelaki: Ia akan memberikan kanak-kanak itu kesihatan dan perkembangan yang baik.
- Guru: Juga, minda akan berkembang dengan sempurna. Seperti yang kita katakan: "Kesihatan yang baik ertinya minda yang baik". Bagaimana pula dengan keperluan psikologi?
- Pelajar lelaki: Kanak-kanak perlu dilayan dengan baik.
- Pelajar perempuan: Kanak-kanak perlu difahami.
- Pelajar lelaki: Kanak-kanak perlu dilindungi.

## Transkrip video

- Pelajar perempuan: Keperluan psikologi ini mestilah dipenuhi. Dia memerlukan kasih sayang, penjagaan dan kestabilan.
- Guru: Dengan memenuhi keperluan ini ia akan membawa kepada apa?
- Pelajar perempuan: Ia akan membawa kepada kanak-kanak berkembang dengan suatu personaliti yang kuat dan seimbang di dalam hidupnya.
- Guru: Bagaimana pula dengan keperluan sosial?
- Pelajar perempuan: Dia perlu tinggal dengan keluarganya.
- Pelajar lelaki: Dia memerlukan kasih sayang keluarganya.
- Guru: Dia perlukan keluarganya.
- Pelajar perempuan: Dia perlu menikmati zaman kanak-kanaknya.
- Pelajar lelaki: Dia perlukan perbualan, bahasa di dalam masyarakatnya.
- Guru: Dia perlukan masyarakatnya untuk mengajarnya perbualan sebegini, suatu perbualan demokratik.
- Guru: Mari kita buat anggapan yang sebaliknya.
- Pelajar lelaki: Dia akan mengalami masalah psikologi.
- Pelajar perempuan: Dia akan mempunyai personaliti yang lemah.
- Pelajar perempuan: Dia akan kehilangan.
- Guru: Dia akan menjadi tidak seimbang. Personalitinya akan lemah. Dia akan kehilangan. Dia akan berseorangan dan kesunyian. Dia akan menjadi sedih. Bagaimana pula dengan akibat sosial jika tidak ada perkembangan yang sempurna?
- Pelajar lelaki: Dia akan kurang berkembang dari segi sosial.
- Pelajar perempuan: Dia akan menjadi jahil.
- Pelajar lelaki: Buta huruf.
- Guru: Kerana semua ini dipelajari di sekolah. Dia akan ketinggalan dalam masyarakat.
- Pelajar lelaki: Dia juga tidak berumah.
- Guru: Kita telah membincangkan dengan secukupnya perkara itu. Sekarang, di manakah sarang di mana seorang kanak-kanak itu berkembang?
- Guru: Di rumahnya.
- Pelajar perempuan: Keluarganya.
- Pelajar\*: Rumah keluarganya.
- Guru: Tanpa keluarga, kanak-kanak itu tidak berumah.
- Pelajar\*: Tidak berumah.
- Guru: Itu ialah yang pertama. Sekarang, apakah pula sarang yang kedua?
- Pelajar perempuan: Sekolah.
- Guru: Kerana anda belajar banyak perkara di sekolah.
- Guru: Jika seseorang kanak-kanak tidak ke sekolah, dia akan menjadi ...?
- Pelajar perempuan: Dia akan menjadi jahil.
- Pelajar perempuan: Dia akan menjadi buta huruf.
- Guru: Maka, semua ini adalah keperluan yang penting bagi seorang kanak-kanak. Fizikal, psikologi dan sosial, rumah dan sekolah. Tanpa perkara ini, kanak-kanak akan kehilangan masa hadapannya.

\*Pencatat tidak dapat mengenal pasti pelajar yang bercakap.

## MENONTON VIDEO: PERSEDIAAN DAN PERBINCANGAN

### BAHAGIAN DUA:

#### PERBINCANGAN VIDEO “SAYA TIDAK MAHU KEMBALI”

SEBELUM MENONTON VIDEO PARA PELAJAR DISUSUN MENGIKUT KUMPULAN BERIKUT:

ABRAHAM (“ASKAR” BUDAK LELAKI)

COMFORT CASSELL (“ASKAR” BUDAK PEREMPUAN)

CAMARRA (KOMANDER)

- Guru: Buat satu jadual dan susun maklumat anda dan pilih seorang jurucakap. Bekerjasama. Anda akan mendapat bantuan antara satu sama lain semasa perbincangan. Anda perlu menyediakan diri anda kerana rakan anda mungkin akan tanya soalan.
- Pelajar\*: Pada pendapat cikgu apa yang akan mereka tanyakan?
- Guru: Kumpulan pertama — Kumpulan Abraham — kumpulan yang mengkaji kes Abraham ...
- Pelajar lelaki: Abraham tinggal dengan aman, kemudian peperangan bermula dan dia kehilangan keluarganya. Jadi dia mengambil bahagian dalam peperangan dan membunuh ramai orang. Sudah tentu pada penghujungnya, dia cuba untuk diterima semula ke dalam masyarakat, tetapi dia mengalami beberapa kesukaran.
- Guru: Umurnya berapa? Umur Abraham?
- Pelajar lelaki: Sebelas.
- Guru: Adakah dia menyertai pertempuran itu secara sukarela atau paksaan?
- Pelajar\*: Secara sukarela.
- Guru: Kenapa?
- Pelajar\*: Kerana dia hendak membalas dendam bagi ibu bapanya. Ia adalah persoalan balas dendam.
- Pelajar\*: Kerana dia hendak membalas dendam bagi pihak ibu bapanya maka dia menjadi askar.
- Pelajar perempuan: Dia kata dia ingin menyertai askar sama seperti kawannya, kerana dia ingin bersama dengan kawannya.
- Guru: Kerana dia tiada kawan lagi untuk bermain. Jadi, ada dua alasan: balas dendam dan untuk bersama kawannya.
- Pelajar\*: Keluarganya telah musnah. Dia tidak ada ahli keluarga lain selain neneknya.
- Pelajar perempuan: Kehidupannya telah musnah.
- Guru: Jadi dia ialah seorang sukarelawan atau tidak?
- Pelajar perempuan: Semuanya memaksa dia menyertai tentera, kerana semuanya telah menyumbang ke arah dia menjadi seorang askar, seorang penempur.
- Guru: Jadi keadaan memaksanya — tiada keluarganya, tiada kawan. Akhirnya dia kembali ke pangkuan neneknya dan cuba untuk mempunyai kehidupan yang normal.
- Pelajar\*: Kita boleh katakan bahawa dia telah dipaksa, kerana jika dia seorang sukarelawan dia akan kekal lebih lama.

\*Pencatat tidak dapat mengenal pasti pelajar yang bercakap.



**PERSEMBAHAN PELAJAR:  
“JIKA ANDA BOLEH MEMBERITAHU DUNIA”**

SELEPAS MENONTON DAN BERBINCANG MENGENAI VIDEO  
“SAYA TIDAK MAHU KEMBALI”, PARA PELAJAR DIBERIKAN MASA 15 MINIT  
UNTUK MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI PERSEMBAHAN

- Pelajar lelaki: (membaca) “Kepada komander peperangan. Ini ialah pendekatan global kepada semua komander yang telah diberikan kuasa kepimpinan. Benarkan saya memulakan dengan kata-kata Catherine, seorang ahli monarki Belanda, dan saya memetik, ‘Tindakan anda hari ini akan menentukan masa hadapan anda keesokan hari.’ Masa depan kita adalah kanak-kanak. Kenapa menggunakan mereka untuk perkara yang tidak baik, sedangkan mereka boleh melakukan perkara yang baik? Kenapa kita melukakan mereka, sedangkan kita boleh menyayangi mereka? Kami sebagai kanak-kanak meminta supaya anda tidak lagi merekrut kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun untuk mengambil bahagian dalam peperangan. Kami percaya bahawa permintaan kami akan anda persetujui. Terima kasih”.
- (tepukan tangan)
- Guru: Kita akan berpindah pula kepada meja pelajar-pelajar perempuan.
- Pelajar perempuan: (membaca) “Saya ingin bercakap mengenai dokumentari yang penting ini di mana anda sebagai komander menggunakan kanak-kanak, malah kanak-kanak perempuan, untuk menjadi askar.”
- Pelajar perempuan: (membaca) “Tidakkah anda tahu bahawa jika anda menggunakan kanak-kanak dalam peperangan anda memberikan tanggapan yang negatif kepada orang lain? Kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun tidak sepatutnya digunakan dalam peperangan. Mereka kekurangan pelajaran, mereka mengalami tekanan emosi. Jika mereka terlibat dalam peperangan, anda menafikan hak mereka untuk dibesarkan secara normal. Mereka boleh menjadi suatu ancaman kepada masyarakat mereka, dan, yang paling penting, mereka adalah pemimpin masa hadapan.”
- Pelajar perempuan: (membaca) “Saya tidak setuju kanak-kanak terlibat dalam peperangan atau menjadi askar kerana mereka semua takut dan saya bersetuju bahawa mereka adalah pemimpin masa hadapan.”
- Guru: Bagus.
- (tepukan tangan)
- Pelajar lelaki: Ok. (membaca) “Selamat petang, tuan-tuan dan puan-puan. Bagi pihak semua kanak-kanak di seluruh dunia, saya ingin mengatakan bahawa sebagai kanak-kanak, kami tidak suka menjadi askar kerana kami akan dihantui oleh orang yang kami bunuh dan sebahagian daripada kami, beberapa rakan yang saya ada semasa peperangan telah membunuh diri dan beberapa yang lain pula berada di pusat pemulihan dan sebagainya. Tetapi ada ketika saya juga hendak membunuh diri saya sendiri, tetapi hari ini saya ingin mengambil pendirian bagi pihak kanak-kanak di seluruh dunia kerana saya tidak mahu mereka menjadi seperti saya dan terpaksa melalui keadaan seperti neraka seperti yang telah saya lalui. Seperti yang anda dapat lihat, kehidupan saya memang kucar-kacir. Lihatlah saya — perasaan saya ialah, saya hidup seperti gelandangan, ya, tetapi, jika anda tidak mahu anak anda kelihatan seperti saya, tolonglah, saya merayu supaya anda tidak menggunakan kanak-kanak sebagai askar.”
- (tepukan tangan)
- Pelajar lelaki: (membaca) “Selamat petang, tuan-tuan dan puan-puan. Saya berada di sini untuk bercakap bagi pihak kanak-kanak di seluruh dunia. Saya hanya mahu menyatakan rayuan saya ekoran daripada pertempuran oleh kanak-kanak. Ia patut diberhentikan dengan serta-merta, kerana kanak-kanak ini yang merupakan kombatan tidak sepatutnya bertempur bagi pihak keluarga ibunya yang terbunuh. Satu perkara lagi ialah, saya benar-benar berpendapat bahawa para pemimpin kebanyakannya mengambil kesempatan terhadap tekanan emosi kanak-kanak. Kerana pada akhirnya ia hanya akan menguntungkan para pemimpin. Jadi tolonglah pertimbangkan kata-kata saya ini kerana kanak-kanak yang terbunuh ini mungkin merupakan pemimpin pada masa hadapan.”
- Guru: Ok.
- (tepukan tangan)
- Guru: Meja yang terakhir.

## Transkrip video

Pelajar lelaki: (membaca) “Selamat petang, hadirin sekalian dan komander peperangan, pada hari ini hari keempat, bulan ketujuh, tahun dua ribu. Kami kanak-kanak sedunia ingin menyampaikan pesanan ini kepada perhatian anda untuk menyelamatkan kepupusan insan. Kerana masa hadapan kita terletak di dalam tangan golongan muda, anak-anak kita. Jika anda menggunakan generasi muda dalam pertempuran sebagai kombatan kita tidak akan ada benih yang tinggal lagi yang subur. Pada umur lapan belas tahun kanak-kanak dianggap sebagai orang dewasa, jadi biarlah kami hidup untuk dunia dan bukannya hidup untuk kubur.”

(tepukan tangan)

### JIKA ANDA SEORANG GURU, BAGAIMANA ANDA AKAN MEMBANTU PARA PELAJAR MENGHUBUNGKAITKAN IDEA MEREKA DENGAN KEHIDUPAN MEREKA?

Guru: Anda semua telah melakukan dengan baik sekali, dan saya gembira melihat filem, video, mempunyai kesan yang positif terhadap anda. Mari kita ambil apa yang telah kita pelajari hari ini dan bawanya kepada masyarakat kerana dalam geng, kita ada kanak-kanak dalam geng. Maksud saya kegiatan gengster adalah sesuatu yang salah, ia bukan peperangan. Bukankah begitu? Ia adalah salah sama sekali, malah, ia juga menggunakan anak-anak kita, betul? Jadi kita bawa perkara ini kepada masyarakat, dan semoga Tuhan membantu kita. Bahawa kita tidak perlu merekrut kanak-kanak bagi mana-mana peperangan, apa-apa pemberontakan, atau apa sekalipun, ok? Ada sesiapa yang ingin berkata sesuatu?

Pelajar lelaki: Cikgu, ada sesuatu yang penting yang cikgu tertinggal, dan seperti yang dikatakan oleh Martin Luther King, cikgu, “saya ada impian”, cikgu, dan sekarang dengan merekrut kanak-kanak sebagai kombatan, cikgu, anda mengambil masa hadapan mereka, cikgu, jadi ini bermakna anda telah merosakkan impian mereka, cikgu.

Guru: Ya, anda akan merosakkan impian mereka.

Pelajar lelaki: Dan itulah sebenarnya apa yang ketinggalan daripada kami semua, cikgu.

Guru: Ok, terima kasih.

**MENGGUNAKAN PENGALAMAN PERIBADI UNTUK MEMAHAMI KONSEP:  
PRINSIP BERKECUALI DAN KESAKSAMAAN**

DALAM SESI INI AMBIL MAKLUM BEBERAPA CARA YANG DITUNJUKKAN  
OLEH GURU MENGENAI PENGALAMAN PARA PELAJAR UNTUK  
MEMBANTU MEREKA MEMAHAMI KONSEP YANG SUKAR

- Guru: Selamat pagi, kelas.
- Kelas: Selamat pagi.
- Guru: Bagaimana anda pagi ini?
- Kelas: Baik ...
- Guru: Ok kelas, hari ini kita akan melihat suatu istilah baru: Prinsip berkecuali dan kesaksamaan. Apakah yang anda fahami dengan dua istilah ini? Sebagai permulaan, apakah yang anda faham mengenai prinsip berkecuali? Saya tahu bukan mudah untuk menggariskan perbezaan antara kedua-dua istilah ini tetapi mari kita cuba. Apa yang anda fahami mengenai istilah prinsip berkecuali? Pada pendapat anda apakah maksudnya? Ok, mari kita dengar... Mandissa?
- Pelajar perempuan: Saya rasa prinsip berkecuali ertinya sebagaimana bercampur gaul atau tidak mengambil bahagian dengan tidak menyukai seseorang; seperti contohnya, jika dua orang bergaduh seperti rakan anda kemudian anda berada di situ dan kemudian anda terpaksa membuat keputusan bagi pihak mereka. Anda tidak perlu memilih satu daripada mereka, anda pilih kedua-duanya, anda tidak menyebelahi sesiapa ...
- Guru: Jadi anda tidak menyebelahi sesiapa?
- Pelajar perempuan: Ya.
- Guru: Jadi prinsip berkecuali ialah mengenai tidak menyebelahi sesiapa? Adakah anda semua bersetuju?
- Guru: Adakah anda semua bersetuju? Adakah sesiapa yang mungkin mempunyai pandangan yang berbeza? Apakah yang anda faham mengenai prinsip berkecuali? Anda semua bersetuju yang ia bermaksud tidak menyebelahi mana-mana pihak. Jadi mari kita lihat maksud kesaksamaan. Pada pendapat anda, apakah maksud kesaksamaan? Apakah maksudnya menjadi saksama? Jika anda berkecuali, adakah ini bermakna anda tidak membantu?
- Pelajar lelaki: Tidak.
- Guru: Adakah ini bermaksud pengecut — prinsip berkecuali? Anda seorang pengecut? Anda tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak. Jadi dengan cara lain anda adalah pengecut?
- Pelajar perempuan: Saya tidak bersetuju dengan kenyataan itu, kerana mereka ini ialah orang yang menolong orang ramai, bukan haiwan, mereka juga menolong orang lain, jadi, tidak ada apa-apa yang perlu disebelahi.
- Guru: Ok, mereka membantu.
- Pelajar perempuan: Maksud saya orang-orang ini apabila mereka membantu, tidak kiralah sebelah mana yang mereka pilih kerana mereka tidak mahu menyebelahi — mungkin anda boleh memihak mana-mana satu, dan orang lain akan menderita kerana anda memilih sesuatu pihak, oleh itu lebih baik tidak memilih sebaliknya sokong semua orang.
- Guru: Ok, sokong semua orang.
- Pelajar lelaki: Saya rasa anda bukan seorang pengecut, kerana mungkin jika kawan anda yang bergaduh dengan seseorang dan anda tidak memihak kepada mana-mana satu antara mereka, itu bukanlah pengecut. Jika anda pengecut anda akan menyebelahi kawan anda kerana anda akan berfikir bahawa kawan anda akan marah dengan anda ...
- Guru: Jadi anda mahu membantu semua orang akhirnya.
- Pelajar perempuan: Saya rasa prinsip berkecuali bukanlah menjadi pengecut kerana jika, seperti yang mereka katakan pada mulanya, bahawa para petugas kemanusiaan membantu orang lain dan kumpulan yang tidak mahu mereka membantu orang lain semasa peperangan, tidak mahu mereka membantu musuh. Jadi para petugas kemanusiaan membantu kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa mereka bukan pengecut, kerana jika mereka membantu kedua-duanya maka mungkin kemudiannya yang lain itu akan marah dan membunuh para petugas kemanusiaan itu juga. Kenapa mereka membantu kedua-dua pihak? Jadi mereka meletakkan nyawa mereka dalam risiko, dan mereka bukanlah pengecut.

## PARA PELAJAR DIMINTA MENULIS PENGALAMAN PERIBADI MEREKA TENTANG KESAKSAMAAN DAN PRINSIP BERKECUALI

- Guru: Ok, jadi cerita ini ialah seperti berikut. “Adik saya dan saya memerlukan kasut untuk ke sekolah; mereka memperkenalkan pakaian seragam baru kami, dan saya mahukan pakaian seragam itu. Jadi ibu saya memutuskan untuk membeli kasut untuk adik saya dahulu, dan kemudian saya pula harus memilih, yang mana satu yang saya mahukan dahulu, kasut atau pakaian seragam. Adik saya mendapat kasut, tetapi saya masih tidak mempunyai kedua-duanya. Pada mulanya saya fikir ibu saya menyebelahi adik saya, tetapi saya sedar yang dia memang sangat memerlukan kasut itu. Saya tidak sangat-sangat memerlukan kedua-dua kasut dan pakaian seragam seperti yang diperlukan oleh adik saya. Jadi saya rasa keadaannya adalah kesaksamaan dan, lagipun, berkecuali, kerana, akhirnya saya juga dapat apa yang saya perlukan.”
- Guru: Ok, jadi apakah kesaksamaan di sini? Siapa yang sangat memerlukan kasut? Adiknya, dan apa yang telah dilakukan oleh ibunya?
- Kelas: Dia telah membelikan kasut untuk adiknya.
- Guru: Dia membelikan kasut untuk adik kerana adiknya sangat memerlukan kasut itu.
- Guru: Ini ada satu lagi cerita. “Apabila ibu saya bergaduh dengan adiknya, adik saya memihak kepada ibu saya, kerana keluarga kami sering menyusahkannya. Secara peribadi, saya tidak menyebelahi mana-mana pihak; saya hanya bermain dengan sepupu saya dan bercakap dengan mereka seperti yang selalu saya lakukan. Walaupun saya tahu keluarga ibu...” oh, apakah yang ditulis ini — saya tidak dapat baca... “Walaupun saya tahu bahawa keluarga ibu saya, atau ibu, sebenarnya, yang bersalah, saya tetap bercakap dengan kedua-dua belah pihak. Walaupun adik saya dan bapa saya tidak faham akan perkara ini. Tetapi saya faham. Maksud saya, kenapa anda perlu menyebelahi mana-mana pihak, anda boleh terus berkecuali dan tiada sesiapa yang akan menyalahkan anda kerananya — ibu saya tidak menyalahkan saya. Cerita ini tidak ada kesaksamaan tetapi ia ada prinsip berkecuali.”
- Guru: Apakah prinsip berkecuali di sini?

## Nota



## Nota



## Nota



## Nota





## Nota

